# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 27 BILANGAN 43 | RABU 27HB OKTOBER, 1982. | 1403 رابو 9 محرم | PERCHUMA


## UCHAPAN TERIMA KASEH

KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dengan sukachita menyabdakan uchapan terima kaseh terhadap persembahan perutusan tahniah di-atas kelahiran sa-orang lagi chuchunda kapada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ia-itu anakanda kapada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dan Yang Amat Mulia Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamarulzaman.



YAM Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusuf sedang menyampaikan hadiah kapada penuntut terbaik bagi Kursus 'A' Tahun Pengajian 1979-1982, Awang Wahab bin Sapar.

# BERSIKAP JUJOR DLM MENYAMPAIKAN AJARAN2 UGAMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abd. Rahim penoh berharap kapada guru2 ugama yang telah menamatkan pengajian mereka di-maktab tersebut dalam menyampaikan ajaran2 ugama kapada masharakat samada di-sekolah2 bandar mahu pun di-kampong2 hendak-lah bersikap jujor dan di-sertai dengan peribahasa dan akhlak yang sempurna. Jangan-lah hendak-nya lain di-kata tetapi lain pula pada perbuatan.

"Di-samping itu jangan-lah menakut2kan manusia kapada dosa sa-mata2 tetapi banyak perkara2 lain dalam ugama Islam yang mesti kita bayangkan kapada mereka," jelas Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia bersabda demikian sa-belum menyampaikan sijil kapada sa-ramai 48 orang guru2 yang telah di-tauliahkan sa-bagai guru2 ugama yang terlateh dalam satu majlis yang telah di-adakan di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini pada 23hb. Oktober, yang lalu.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara menyatakan ada perkara2 yang di-lakukan oleh masharakat kita yang tergelinchir dari ajaran2 ugama Islam, oleh itu Yang Amat Mulia menyeru guru2 ugama supaya memimpin mereka ka-jalan yang benar supaya hidup masharakat Islam di-negeri akan sentiasa terpelihara.

Di-samping itu, sabda Yang Amat Mulia ada sa-gelintir manusia yang membawa ajaran2 sesat masok ka-negeri ini dan ada-lah menjadi satu kewajipan kapada guru2 ugama untok memerhatikan dan mengawasi manusia2 yang ingin menyelewengkan dan membawa masharakat kita ka-jalan yang tidak betul.



YAM Pengiran Setia Negara Pg Haji Mohd Yusof ketika bersabda.

Terdahulu dari itu uchapan alu2an telah di-sampaikan oleh Pemangku Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Haji Yahya bin Ahmad.

Penyampaian sijil2 dan hadiah2 pelajaran kapada penuntut2 terbaik telah di-sempurnakan oleh YAM Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf dan majlis tersebut di-selajorkan penyampaian sijil2 kapada sa-ramai 16 orang guru2 ugama terlateh yang telah mengikuti Kursus Lanjutan Ilmu Fiqeh sa-lama sa-tahun.

Antara yang hadir ia-lah YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Awang Ismail, Mufti Kerajaan Negeri Brunei, Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Zain, Pegawai2 Kanan Kerajaan, Pensharah2 serta Penuntut2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Sejak Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-tubohkan 10 tahun yang lalu ia-nya telah mengeluarkan sa-ramai kira 546 orang guru2 ugama yang terlateh hingga-lah ka-hari ini. — MHM.

## Kursus bagi pegawai2 DBP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei akan menganjorkan kursus Intensif Pengurusan Personal di-Dalam Sektor Awam bagi pegawai2 di-jabatan tersebut.

Kursus yang julong2 kali-nya di-adakan itu akan di-adakan sa-lama dua minggu mulai 15hb Nobember depan.

Sa-lain dari Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pg Badaruddin bin Pg Ghani beberapa orang pegawai kanan Kerajaan akan memberikan cheramah dalam kursus tersebut.

Peserta2 kursus akan di-bawa melawat ka-Daerah Temburong untok meninjau Pejabat Daerah tersebut.

# Pembenaan masjid salah satu Ranchangan Kemajuan Negara

TEMBURONG. — Yang Berhormat, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain berkata bahawa pembenaan masjid ia-lah sa-bagai salah satu Ranchangan Kemajuan Negara dengan tujuan untok menchapai matalamat bagi menyediakan kemudahan2 tempat beribadat bagi orang2 Islam di-negeri ini.

"Semoga-lah bangunan masjid yang indah ini akan di-ramaikan oleh pendudok2 Islam dalam mukim ini bagi menyemarakkan lagi shi'ar Islam di-kawasan ini khas-nya dan negeri Brunei am-nya," demikian harapan Pengetua Pegawai Hal ehwal Ugama itu semasa beruchap merasmikan bangunan Masjid Kampong Labu di-sini pada hari Isnin lepas.

Bangunan masjid yang berharga $278 ribu itu di-rasmikan sempena menyambut kedatangan awal tahun baru Hijrah 1403 dan di-selajorkan juga dengan majlis membacha do'a akhir tahun.

Seterus-nya Yang Berhormat berkata bahawa ada-lah menjadi tanggong-jawab dan kewajipan semua orang2 Islam di-mukim ini untok memelihara masjid ini dan memberi-nya bersinar dengan perkara2 yang berkebajikan serta usaha2 yang jujor lagi ikhlas kerana Allah semata2.

Dengan terbina-nya masjid yang baru itu, ada-lah merupakan suatu rahmat yang di-korniai oleh kerajaan Kebawah DYMM bagi menggantikan bangunan masjid yang sudah lama. "Mari-lah kita menguchapkan rasa terima kaseh kapada kerajaan baginda yang telah menghadiahkan kapada kita sebuah masjid yang indah di-Labu Estate ini," ujar Yang Berhormat.

Di-samping itu, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama juga mengajak umat Islam di-mukim tersebut dengan menyatakan shukor ka-hadhrat Allah s.w.t. dengan chara mengerjakan surohan2-Nya dan meninggalkan larangan2-Nya serta menyemarakkan shi'ar Islam melalui masjid tempat yang suchi ini.

Beliau juga menyentoh dengan fadhilat2 menunaikan fardhu haji, yang mana menurut-nya, sa-seorang umat Islam yang telah menunaikan fardhu haji boleh melepaskan dan menghapuskan segala dosa kechil dan dosa besar bahkan juga perkara2 dosa yang berhubong dengan hak2 manusia menurut qaul muktamad. — JAL.



Y.B. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama ketika merasmikan masjid Kampong Labu Estate.

### Manis-nya Iman

"MATI mengejut itu suatu kerehatan bagi orang yang beriman dan suatu kedukaan bagi orang yang zalim." — Hadith Nabi riwayat Al-Imam Ahmad dan Al-Baihaqi daripada 'Aishah (r.a.)

# Tambang Brunei/S'pura naik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penerbangan Diraja Brunei mengumumkan mulai 1hb Nobember, 1982, harga tambang bagi penerbangan di-antara Brunei dan Singapura akan di-naikkan.

Tiket kelas pertama bagi satu perjalanan akan di-naikkan kapada B$454.00. Tambang ekonomi di-naikkan kapada B$320.00. Tambang ekonomi pulang balek bagi tempoh tinggal maksima 30 hari ia-lah ia-lah B$510.00 dan tambang ekonomi hujong minggu ia-lah B$398.00.

Semua tiket yang di-keluarkan untok penerbangan pada atau sa-lepas 1hb Nobember, 1982 akan mula menggunakan tambang baru.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

27HB OKTOBER, 1982

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## Fungsi kerajaan:

## BUKAN UNTOK SA-MATA2 MENYEDIAKAN KEMUDAHAN

DALAM orang ramai menekmati berbagai2 perkhidmatan dan kemudahan daripada Kerajaan sa-jauh mana-kah pula mereka menyedari hakikat yang Kerajaan itu juga berfungsi dan bertanggong-jawab untok memimpin raayat serta menerajukan negara?

Sunggoh pun belum ada sa-barang kajian yang terperinchi bagi mengukor dan menentukan perkara itu tetapi tahap dan kadar kesedaran sadekimian sa-kurang2-nya boleh di-kesan daripada sa-tengah2 sikap yang terdapat di-kalangan orang ramai terhadap Kerajaan.

Atas asas itu-lah pendapat telah di-kemukakan mengenai ketidak-seimbangan fahaman dan kesedaran di-kalangan sa-tengah2 orang ramai akan fungsi dan tanggong-jawab Kerajaan. Pengarah Penerangan yang mengemukakan-nya dalam satu achara Taklimat baru2 ini menyebutkan satu fenomina dalam mana terdapat sikap di-setengah2 kalangan enggan menerima keperluan Kerajaan membuat undang2 serta mengenakan peratoran2 dan di-setengah2 peringkat pula ada yang enggan menguatkuasakan undang2 serta peratorkan. Kedua2-nya itu masing2 dengan daleh-nya. Yang pertama ia-lah kerana menyedari undang2 dan peratoran akan menjejaskan kepentingan2 tertentu manakala yang kedua pula ia-lah kerana apa yang biasa diperibahasakan sa-bagai 'inda inginkan berkejahatan'.

Fahaman dan kesedaran yang tidak seimbang itu jika menular tentu akan mendatangkan impelikasi yang tidak di-ingini. Memandang Kerajaan pada keselurohan-nya sa-bagai penyedia dan pembekal berbagai2 kemudahan serta perkhidmatan ada-lah satu daripada impelikasi yang tidak di-ingini itu. Dan akan lebeh lagi tidak di-ingini apabila nanti pandangan sa-demikian itu bertukar dengan memestikan Kerajaan berfungsi dan bertanggong-jawab untok memenohi apa jua kehendak dan tuntutan; dan di-peringkat2 tertentu dalam Kerajaan pula mengambil sikap memperturut sa-mata2 kerana 'mendulor rasa'.

Apabila sa-demikian itu maka sukar-lah ditentukan ruang untok Kerajaan mengesankan dasar2-nya dan kepimpinan-nya kapada raayat, dan tentu-lah sukar pula bagi Kerajaan menunjokkan hala tujuan-nya dalam menerajukan negara. Akibat-nya, saperti yang di-ketengahkan oleh Pengarah Penerangan, ia-lah menepati apa yang di-peringatkan oleh Allah s.w.t. bahawa manakala suatu kepimpinan itu memperturut saja kehendak orang ramai dalam banyak perkara — sa-mata2 kerana mahu mendulor — maka neschaya orang ramai juga akan mendapat susah. Tentu-lah hujjah ugama itu mudah di-timbangkan oleh kita kalau pun hujjah2 lain ada kala-nya di-ragukan.

Oleh itu mustahak-lah kita menseimbangkan fahaman dan kesedaran akan fungsi dan tanggong-jawab Kerajaan. Jika perseimbangan itu ada tentu orang tidak sa-mudah mana kala mensifatkan Kerajaan tidak baik apabila ia tidak mendulor rasa dan tidak pula akan berbangkit soal 'inda inginkan berkejahatan' di-kalangan orang2 yang di-amanahkan untok menjalankan kuatkuasa undang2 dan peratoran.

# IBADAT HAJI BOLEH MELEPASKAN DOSA

**BERIKUT ia-lah uchapan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, ketika merasmikan Pembukaan Masjid Kampong Labu Estate pada hari Isnin, 18hb. bersamaan dengan 1hb. Muharram 1403.**



Alhamdulillah, shukor kahadhrat Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kapada Junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. sahabat2 dan pengikut2 Baginda yang setia lagi jujor hingga ka-akhir zaman.

Kita berkumpul beramai2 pada malam ini ia-lah untok sama2 menyerikan majlis pembukaan rasmi bangunan baru Masjid Kampong Labu Estate ini bersempena dengan bermula-nya tahun Hijrah 1403, dan dengan hati yang ikhlas kita sama2 menguchapkan shukor kahadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat-Nya jua maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah dapat membangunkan sa-buah masjid baru, bagi mengganti bangunan masjid yang lama di-Kampong Labu Estate ini, dan pembenaan masjid ini ia-lah sa-bagai satu Ranchangan Kemajuan Negara, yang bertujuan untok menchapai matalamat bagi menyediakan kemudahan2 tempat beribadat untok orang2 Islam di-negeri ini. Semoga-lah bangunan masjid yang indah ini akan di-ramaikan oleh pendudok2 Islam dalam Mukim ini bagi menyemerakkan lagi Shi'ar Islam di-kawasan ini khas-nya dan di-negeri ini am-nya. Perkara saperti ini ada-lah menjadi tanggongjawab orang2 Islam dalam mukim masjid ini, maka di-atas bahu orang2 Islam semua di-mukim ini terletak-nya kewajipan untok memelihara masjid ini, dan memberi-nya bersinar dengan perkara2 berkebajikan, dengan usaha2 yang jujor lagi ikhlas kerana Allah samata2.

Bermunasabah dengan kaum kerabat kita baru saja kembali dari tanah suchi kerana menunaikan fardhu haji, maka saya ingin menyentoh mengenai dengan fadhilat2 ibadat haji itu sa-bagaimana yang saya salin daripada Kitab Bogyatul-Mustarshidin muka surat 114 saperti berikut:—

(i) (Faedah) — Ibadat haji boleh melepaskan dosa kechil dan dosa besar bahkan perkara2 dosa yang berhubong dengan hak2 manusia menurut qaul muktamad, kalau dia mati sasudah itu sa-belum dia dapat menunaikan-nya (mengkadhanya — p).

(ii) (Faedah) — Al-Khawwas r.w. berkata, "*Di-antara tanda haji sa-seorang hamba itu diterima dan dia di-korniakan dengan korniaan ridha daripada Allah, ia-lah dia kembali daripada pekerjaan haji-nya dengan berperangai sa-chara akhlak mohammadiah (mengikut Nabi s.a.w.), hampir tiada lagi ia jatoh di-dalam dosa, dan tiada ia memandang diri-nya itu lebeh daripada hamba2 Allah yang lain-nya, dan tiada ia turut berebut2 dalam sa-suatu perkara dunia sa-hingga-lah ia mati.*

*Dan alamat haji-nya tiada diterima ia-lah dia kembali daripada haji, sama sahaja kelakuan-nya dengan kelakuannya sa-belum masa ia menunaikan ibadat haji, sabagaimana juga daripada tanda ia-nya di-murkai oleh Allah ialah dia kembali daripada haji dengan memandang bahawa pekerjaan haji-nya itu lebeh utama di-terima Allah daripada haji orang lain, di-sebabkan (pada fikiran-nya) dia telah menyempurnakan dengan sechukup-nya, dan dia keluar daripada khilaf ulama. Tetapi kemurkaan Allah itu tiada dapat di-ketahui melainkan oleh Ahlil-Kashaf (di-ambil daripada Kitab Khatimatul-Mizan oleh Asha'rani).*

(iii) (Masa'alah) — Yang nyata daripada perkataan (doa) Nabi s.a.w., yang bermaksud:

"*Ya Allah ampuni-lah orang yang mengerjakan ibadat haji, dan orang yang di-minta supaya di-ampunkan dosa-nya oleh orang yang mengerjakan ibadat haji.*" Ia-lah di-tujukan kapada orang yang maseh berpakaian haji, bukan orang yang sudah selesai mengerjakan haji.

Tetapi ada juga pernah disebutkan, bahawa di-ampunkan dosa sa-seorang haji itu, dan dosa orang yang di-pohonkan-nya pengampunan, pada sa-panjang bulan Dzulhijjah (sa-lepas haji) dan bulan Muharram dan Safar dan sa-puloh hari daripada Rabiel Awal.

Dan dalam satu riwayat pula di-makbulkan bagi-nya doa daripada masa ia masok ka-Mekkah, sa-hingga ia kembali kapada keluarga-nya, dan dilambatkan lagi 40 hari. Maka yang terpileh ia-lah hendak-lah ia meminta doa, sa-bagaimana yang di-setujui oleh Ulama2 Assalaf sahingga 40 hari. Dan ada-lah lebeh utama doa itu pada waktu sa-belum lagi masok ka-rumahnya (tempat-nya), kalau sekiranya dia tidak masok ka-rumahnya melainkan sa-sudah beberapa tahun kemudian-nya, maka hukum (pada mengkabulkan dia sa-hingga ia balek ka-rumah-nya itu) maseh berlanjutan.

*Ada pun rahsia-nya mengenai 40 hari itu, ia-lah sebab wukuf-nya ia pada tempat2 yang mulia, dan sebab kesusahan dan kepayahan-nya yang di-alami-nya dengan sebab ia meninggalkan negeri semasa pelayaran-nya, dan hal keadaan diri-nya belum berubah sa-belum selesai 40 hari pada biasa-nya.*

Terlanjur berchakap mengenai dengan ibadat haji ini maka saya ingin membentangkan pengertian yag sa-benar mengenai dengan maksud sa-buah hadith yang bertujuan bahawa ibadat haji itu boleh menghapuskan dosa. Untok maksud ini saya ingin memetik huraian yang dibuat oleh Sheikh Hassanin Mohammad Makhluf dalam kitab-nya Fatwa Shari'ah, Penggal II muka surat 3 di-bawah tajok 'Ibadat Haji Melepaskan Dosa2 dan Tiada Menggugorkan Kewajipan2 Fardhu'.

PERTANYAAN:

Ada-kah ibadat Haji boleh melepaskan semua dosa dan maksiat yang telah lalu, dan boleh menggugorkan apa jua kewajipan fardhu manusia terhadap sa-sama hamba Allah?

JAWAPAN:

Al-Imam Al-Bokhari telah meriwayatkan di-dalam kitab Shahih Al-Bokhari daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'Anhu, ia berkata; "Saya mendengar Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud—

"*Barang siapa menunaikan haji sa-mata2 kerana Allah, maka ia tidak berchakap perkara yang tidak sanodoh (menurut Imam Al-Azahari; tidak berchakap perkataan yang bermaksud semua perkara yang di-ingini oleh sa-orang lelaki terhadap sa-orang perempuan) dan ia tiada membuat pekerjaan jahat dan maksiat, dia kembali daripada dosa-nya seolah2 bahawa diri-nya itu keluar dengan tiada berdosa, sama saperti pada masa ia diperanakkan oleh ibu-nya.*"

Dan dosa itu meliputi dosa2 kechil dan dosa2 besar, dan dosa2 mengenai perkara yang berhubong dengan hak manusia, maka semua dosa2 itu dilepaskan oleh ibadat haji yang mabrur.

Ada pun dosa kechil maka tiada-lah ada khilaf ulama mengenai-nya bahawa ibadat haji itu boleh melepaskan dan menghapuskan-nya. Tetapi dosa2 besar dan dosa yang berhubong dengan hak2 manusia, maka maksud "ibadat haji boleh melepaskan-nya" itu, bukan-lah bererti sa-bagaimana yang difahamkan oleh banyak orang, bahawa ibadat haji itu boleh menggugorkan-nya (tiada perlu di-kerjakan-nya), sama ada yang berhubong dengan hak Allah atau hak hamba Allah, kerana perkara itu tidak pernah dikatakan oleh sesiapa pun juga, ma'ana-nya yang sa-benar (dosa yang gugor itu) ia-lah dosa kerana melambatkan-nya. Ada pun kewajipan2 fardhu itu maka tiada-lah ia gugor sama sekali, kerana kewajipan2 itu bukan-lah dosa, dan bukan-lah maksiat. Yang menjadi dosa dan maksiat itu ia-lah melambatkan pada mengerjakan fardhu itu, dan dosa melambatkan itu-lah yang di-lepaskan oleh ibadat haji yang mabrur itu.

Maka kapada barang siapa yang di-kenakan keatas-nya kewajipan2 fardhu itu, wajib-lah dia mengerjakan-nya, dan kalau sa-telah sempurna pekerjaan haji dengan wukuf di-Arafah, dan orang itu maseh juga terus lambat pada mengerjakan kewajipan2 fardhu itu, jadi-lah pula satu dosa baru yang lain dengan sebab lambat itu.

Ini telah di-sebutkan oleh Imam Ibnu Najim dalam kitab-nya (Al-Bahru-Ar-Ra'ik), dan telah di-terangkan lagi oleh Imam Ibnu Abidin dalam hashiyah-nya kapada kitab tersebut, yang rengkasan-nya demikian —

"*Bahawa barang siapa melambatkan sembahyang daripada waktu-nya maka ia membuat maksiat, ia-itu melambatkan sembahyang, maka wajib di-atasnya satu perkara lain ia-itu mengkadha sembahyang itu. Dan bayar hutang (pada hal ia boleh membayar) maka ia telah membuat maksiat kerana senghaja lambat membayar hutang itu, dan wajib di-atas-nya satu perkara lain ia-itu kadha (membayar hutang).*

Demikian juga jika sa-orang membunoh manusia maka dia telah membuat maksiat, ia-itu melakukan jenayah terhadap nyawa, maka wajib di-atas-nya satu perkara yang lain, ia-itu menyerahkan diri-nya untok menerima hukum kisas (bunoh di-balas bunoh) atau pun membayar ganti rugi.

Demikian-lah bandingan lain yang menjadi maksiat yang menyebabkan dia terkena menunaikan satu kewajipan yang lain, sama ada kewajipan itu daripada hak Allah atau hak hamba Allah. Jadi apa yang disebutkan di-dalam hadith mengenai ibadat haji boleh melepaskan dosa terhadap Allah dan dosa yang berhubong dengan manusia, maka ma'ana-nya ia melepaskan dosa kechil dan dosa besar, saperti dosa melambatkan sembahyang dan lain2 umpamanya, dan dosa melambatkan pada membayar hutang dan dosa jenayah terhadap nyawa.

Tiada-kah tuan tahu bahawa taubat itu boleh melepaskan dosa, dengan tidak ada perselisihan di-kalangan ulama?, tetapi tiada-lah boleh dengan sebab itu gugor-nya kewajipan yang menimbulkan dosa itu, chontoh-nya taubat daripada satu dosa, merampas umpamanya tiada-lah sempurna taubat itu melainkan mengerjakan satu kewajipan lain, ia-itu memulangkan harta yang dirampas itu atau mengganti-nya dan sa-seorang perampas tiada boleh terlepas daripada tanggongan merampas pada hari akhirat, melainkan dengan ia berbuat yang sedemikian itu. Maka barang siapa merampas sasuatu harta, kemudian ia bertaubat, maka tiada-lah sempurna taubat-nya itu melainkan ia memulangkan harta yang dirampas itu atau pun menggantikan-nya.

Akhir-nya mari-lah kita berterima kaseh kapada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang menghadiahkan kapada kita sabuah masjid yang indah di-Labu Estate ini dan kita bershukor kehadhrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan chara mengerjakan surohan2-Nya dan meninggalkan larangan2-Nya serta menyemarakkan shi'ar Islam melalui masjid tempat yang suchi ini.

Maka dengan nama Allah yang maha pengaseh lagi penyayang, dan dengan iringan selawat serta salam kapada Junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w., bangunan baru Masjid Labu Estate ini saya rasmikan.

Wabillahit taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

# RASUAH MENYALAHI UNDANG2 PENGAKAP

GADONG. — Perkara yang berbangkit dengan pemberian dan penerimaan rasuah di-timbulkan lagi oleh Pengarah Biro Menchegah Rasuah yang juga sa-laku Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negeri Brunei Sabtu lepas di-sini.

Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Mohd. Daud ketika beruchap di-majlis sambutan Jubli Perak, Jambori Di-Udara ke-25 menekankan yang perkara ini senghaja di-timbulkan beliau kerana perbuatan ini bukan sahaja menyalahi undang2 rasuah, tetapi juga, menyalahi persetiaan pengakap untok taat kapada Tuhan serta Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Beliau sa-terus-nya menyeru sa-tiap ahli pergerakan ini supaya menjauhi perbuatan ini dan meminta kerjasama mereka supaya menghubongi pejabat beliau jika mereka mempunyai maaluman tentang perkara ini.

Mengenai dengan jambori ini, beliau menjelaskan yang ia-nya sudah tentu merupakan satu chara yang tanpa kita sedari boleh memperkenalkan Brunei ka-mata dunia. "Oleh yang demikian, saya memberi nasehat kapada semua peserta supaya "bisai2-tah berkurapak", berchakap-lah dengan bersopan santun yang dapat melambangkan tinggi nilai-nya budi pekerti dan tingkah laku kitani orang2 Brunei kerana dari perchakapan kita itu nanti, pengakap2 di-negara2 lain akan dapat menilai dan menyukat keadaan kita sendiri. Anggapan burok dari mereka tidak akan hapus dengan chepat-nya, tetapi perbuatan yang baik yang mendatangkan kenangan manis dari mereka pula akan menjadi ingatan abadi," tambah beliau.

Kebanyakan ahli2 persekutuan ini telah menyertai jambori tesebut dan berpeluang berchakap dengan teman2 sa-pengakap mereka di-negeri2 lain.

Ini ada-lah merupakan kali ka-tujoh Brunei menyertai jambori sa-umpama ini dan hari tersebut juga menandakan tahun ka-75 pergerakan pengakap sa-dunia.

Brunei telah di-terima menjadi ahli penoh Biro Pertubohan Pengakap Sa-Dunia sejak 1hb Julai 1981.

Turut beruchap di-pertemuan itu ia-lah Pengerusi Jawatankuasa Jambori Di-Udara Awang Mohammad Taib bin Haji Othman.





Dato Paduka Awang Haji Ali kelihatan sedang memereksa barisan pengakap yang hadhir menyertai jambori pada petang itu. (atas) sementara gambar kiri kelihatan beliau sedang berchakap melalui satu alat perhubongan udara bagi memulakan jambori tersebut.

## Pulang dari jalani latehan

SERIA. — Sa-bagai sa-bahagian daripada ranchangan Sharikat Shell Brunei yang berterusan bagi mengujudkan suasana bekerja dan suasana kehidupan yang selamat, sa-orang daripada pekerja sharikat telah kembali dari latehan dalam bidang ini.

Beliau ia-lah Awang Simon Shim, Ketua Pegawai Bomba dari Jabatan Keselamatan dan Alam Sekitar, baru saja selasai menjalani kursus sa-lama lima minggu dalam bidang kerja2 menyelamat dari kebakaran dalam bahagian lapangan terbang di-Pusat Latehan Penerbangan Awam Singapura.

Sa-masa menjalani latehan Awang Simon di-tempatkan dalam kelas antarabangsa bersama2 dengan peserta2 kursus dari Kepulauan Soloman, Kenya, Filipina, Nepal dan dari Botswana.

Simon ada-lah orang yang pertama dari perkhidmatan bomba Sharikat BSP yang lulus kursus Pegawai2 Kanan. Sa-orang lagi peserta dari negeri ini yang mengikuti kursus tersebut ia-lah Awang bin Abdul Rahman dari Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

## PENGGALIAN TELAGA YANG KE-700

SERIA. — Padang Minyak Seria yang telah di-jumpai dalam tahun 1928 yang kini sudah berusia 54 tahun, minggu lepas, telah memulakan penggalian telaga yang ke-700.

Kerja2 penggalian di-padang itu telah tergendala dalam masa 13 tahun yang mengakibatkan hanya 157 telaga yang di-gali dari mula di-jumpai, di-sebabkan oleh pendudokan Jepun di-Brunei ketika Perang Dunia Kedua. Ini menyebabkan banyak telaga2 minyak yang musnah.

Dalam pertengahan tahun 70an sa-banyak 589 buah telaga telah di-buka penghasilan bermula daripada 3,200 tong sa-hari di-tahun 1932 dan meningkat ka-17,000 tong sa-hari di-tahun 1940. Peningkatan ini memunchak lagi di-tahun 1956 ka-117,000 tong sa-hari.

Tetapi di-tahun2 ka-belakangan ini telaga2 makin banyak di-gali untok mendapatkan kembali lebehan2 minyak di-antara sa-dalam 1000 dan 7000 kaki. Ini mengikabatkan penghasilan masa ini lebeh dari 31,000 tong sa-hari berbanding dengan 29,000 tong lima tahun dahulu.

Sa-lain dari chara2 pengepam dan pengangkutan gas, Shell Brunei juga sedang menchuba menggunakan teknik2 yang baru saperti penggunaan bueh untok membaiki penghasilan minyak dari telaga2.




## Meninjau Pusat Latehan Pertanian Sinaut

SINAUT. — Sa-ramai 32 orang Ketua2 Kampong dan Penghulu2 bersama dengan Pemangku Pegawai Daerah Tutong telah membuat lawatan ka-Pusat Latehan Pertanian di-sini pada bulan September lepas.

Di-sana mereka telah di-sambut oleh Pengetua Pusat tersebut Awang Shari bin Awang Hj. Besar, siapa yang juga menyampaikan taklimat mengenai sejarah dan kegiatan2 masakini pusat itu.

Sa-terus-nya rombongan tersebut juga sempat di-bawa melawat ka-sekitar pusat itu, saperti ladang ternakan ayam, Steshen Ragut untok Ternakan Lembu dan lain2 lagi.



## Jadual Perpustakaan Bergerak mulai 27hb. hingga 31hb. Oktober

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 27.10.1982 | Rabu | 10.00–10.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 27.10.1982 | Rabu | 10.45–11.15 | ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 27.10.1982 | Rabu | 11.30–12.00 | T/Hari |
| Sekolah Melayu A.H.M.Y. Kati Mahar | 30.10.1982 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Penjara Jerudong | 30.10.1982 | Sabtu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Mulaut | 30.10.1982 | Sabtu | 11.00–12.00 | T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 30.10.1982 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 30.10.1982 | Sabtu | 2.45– 3.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 30.10.1982 | Sabtu | 4.00– 5.00 | ,, |
| Di-hadapan Rumah Penghulu Kampong Serasa | 31.10.1982 | Ahad | 9.00–10.00 | pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama | 31.10.1982 | Ahad | 10.15–11.15 | ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 31.10.1982 | Ahad | 11.30–12.00 | T/Hari |

## MAJLIS TAKLIMAT

Liputan oleh:
Shadoon Lamzi
Aisah Piee
Zubaidah H.S.
Muhaimin H.M.

# SOAL 'INDA INGINKAN KEJAHATAN' PATUT TIDAK TIMBUL

BANDAR SERI BEGAWAN. – Dalam usaha memahamkan orang ramai mengenai fungsi dan tanggong-jawab Kerajaan, sikap 'inda inginkan berkejahatan' hendak-lah sama di-atasi. Fungsi dan tanggong-jawab Kerajaan yang bukan saja untok memberikan perkhidmatan dan mengadakan kemudahan2 bahkan ia-lah untok memimpin raayat dan menerajukan negara tidak akan di-fahami dengan baik sa-kira-nya terdapat sikap enggan menguatkuasakan undang2 dan melaksanakan dasar2 Kerajaan.

Hal ini telah di-nyatakan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, sa-waktu beruchap mengenai kepentingan orang ramai memahami kedudokan Kerajaan dalam mereka menerima berbagai2 perkhidmatan dan kemudahan.

Beliau memberitahu peserta2 Taklimat dari Mukim Mentiri minggu lepas, bahawa ramai orang tahu undang2 perlu di-buat bagi satu2 tujuan dan matalamat, tetapi tidak sa-ramai mana orang bersedia menyukong undang2 apa lagi kalau undang2 itu di-kuatkuasakan, ia menjejaskan kepentingan mereka dan kepentingan sa-gelintir orang dalam masharakat.

Hal itu, menurut-nya, ada-lah tanda2 yang menunjokkan bahawa orang chuma bersedia menerima fungsi Kerajaan sa-bagai pemberi khidmat dan penyedia kemudahan, tetapi mereka kurang memahami hakikat bahawa Kerajaan juga berfungsi dan bertanggong-jawab memimpin raayat serta menerajukan negara.

"Akibat kurang faham itu menyebabkan ada orang terus menerus tidak dapat menerima penjelasan tentang sa-suatu langkah yang di-buat oleh Kerajaan, khusus-nya langkah dari segi undang2 dan menguatkuasakan undang2," tegas Awang Haji Badaruddin.

Menurut-nya lagi, Kerajaan dalam menjalankan fungsi dan tanggong-jawab-nya memimpin raayat serta menerajukan negara sa-tentu-nya mengambil kira dan kepentingan keselurohan raayat dan negara dalam jangka panjang, yang mana ada kala-nya Kerajaan bersikap keras sa-bagaimana ada kala-nya ia bersikap lembut.

"Tetapi apa-pun sikap yang di-ambil oleh Kerajaan, ia sa-tentu-nya telah di-timbangkan dengan sa-halus2-nya," tambah Awang Haji Badaruddin.

### FUNGSI

Mengenai fungsi dan tanggong-jawab Kerajaan sa-bagaimana yang di-sebutkan-nya itu, Awang Haji Badaruddin menegaskan bahawa fungsi memberikan khidmat dan memimpin raayat serta menerajukan negara itu ada-lah fahaman yang sa-chuchok dengan kehendak ugama. Kata-nya, dalam ajaran Islam, perkhidmatan kapada raayat dan memimpin mereka untok menchapai kepentingan sa-benar yang di-redhai Allah ada-lah di-antara tanggong-jawab dan kewajipan yang di-pikulkan ka-atas Ulil Amri ia-itu pehak2 yang berkuasa.

Dalam fahaman itu, jelas-nya lagi, raayat memang di-jangkakan akan membuat berbagai2 tuntutan sementara Kerajaan pula ada-lah di-jangkakan akan mengambil berbagai2 langkah pada menimbangkan tuntutan tersebut berdasarkan keupayaan-nya.

"Tetapi ajaran ugama dengan tegas mengingatkan kedua-dua pehak ia-itu raayat hendak-lah jangan terlalu bergantong dan bersikap 'tahu ada' serta membuat tuntutan2 yang tidak penting dan tidak menasabah; dan Ulil Amri pula ia-itu pehak2 yang berkuasa yakni Kerajaan, hendak-lah jangan bersikap semata-mata mendulor kerana mahu mendulor," tegas Pengarah Penerangan.

Kerana itu, orang ramai di-ingatkan supaya menimbang dan sa-terus-nya menerima hakikat bahawa tidak semua kehendak mereka akan dapat di-penohi tanpa menimbangkan kepentingan-nya yang menyeluroh serta kesesuaian-nya dengan keupayaan yang ada. Dan mereka hendak-lah menerima hakikat bahawa kewajipan memimpin raayat dan menerajukan negara itu menjadikan Kerajaan lebeh berhati2 termasok-lah mengambil langkah yang berpatutan, umpama-nya, membuat undang2 dan menguatkuasakan-nya.

"Oleh itu, soal 'inda inginkan berkejahatan' sa-patut-nya tidak berbangkit di-kalangan pehak2 atau orang2 yang di-tentukan untok menguatkuasakan dasar dan kehendak Kerajaan, sa-bagaimana juga orang ramai hendak-nya tidak mudah mensifatkan pehak2 atau orang2 yang menjalankan dasar dan kehendak Kerajaan itu sa-bagai tidak bertimbang rasa dan tidak mahu mendulor rasa," ujar-nya.



Peserta2 taklimat bergambar ramai dengan pegawai2 penyelaras di-hadapan Bangunan Peringatan Churchill.

# Tugas Jabatan Perikanan mengawas berbagai sumber di-ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. – Di-antara tugas2 utama Jabatan Perikanan ia-lah menjaga supaya orang2 luar tidak datang sa-chara haram dan menangkap ikan di-perayeran negeri ini. Dari itu, bantuan dan kerjasama dari para nelayan2 tempatan atau orang ramai ada-lah sangat2 di-perlukan.

Pemangku Pengarah Perikanan Brunei, Awg. Mat Danan bin Hj. Mohd Jaafar ketika memberi taklimat kapada peserta2 dari Mukim Mentiri Khamis lalu, menjelaskan:

"Sejak Jabatan Perikanan di-tubohkan dalam tahun 1949, dua orang pegawai daripada luar negeri telah membuat kajian ka-atas sumber perikanan di-negeri ini, tetapi hasil2 yang di-dapati ada-lah negatif. Ini



Awg. Mat Danan

telah menyebabkan penutupan Jabatan yang baru di-tubohkan itu dalam bulan Mach 1951", jelas Awang Mat Danan.

Dalam tahun 1966, dengan sokongan yang telah di-buat kapada Kerajaan dalam tahun 1964 oleh J.A. Tubb, pada masa itu ada-lah Pegawai Perikanan Bangsa2 Bersatu bagi rantau Asia dan Timor Jauh, sa-orang Pegawai Perikanan Negara telah di-lantek pada tahun itu, sementara dalam tahun 1967 Jabatan Perikanan telah mula di-tubohkan semula.

Dengan yang demikian, Awang Mat Danan selanjut-nya berkata, untok menambah kechekapan dalam menjalankan tugas2 dan tanggong-jawab, jabatan-nya telah di-bahagikan kapada bahagian2 yang tertentu, saperti Bahagian Pentadbiran, Akuarium, Kuatkuasa Undang2 dan Pengembangan, Perikanan Laut, Akuakultur dan Pemeliharaan dan Bahagian Memproses.

"Tugas2 tersebut boleh-lah di-katakan meliputi berbagai2 perkara yang berkaitan dengan sumber2 di-ayer, saperti mengembangkan teknik2 yang sesuai bagi penangkapan sumber2 perikanan dan untok melateh pengendali2 tempatan dalam teknik2 tersebut. Sa-lain daripada itu Jabatan Perikanan juga bertanggong-jawab memastikan yang sumber perikanan di-negeri ini tidak habis di-sebabkan penangkapan yang berlebehan, tambah-nya lagi.

Meninjau kembali aktiviti2 jabatan ini, Awg. Mat Danan sa-terus-nya menjelaskan bahawa sejak mula di-tubohkan sa-hingga kini, banyak kejayaan2 dan pengembangan2 telah di-buat, di-antara-nya, dalam tahun 1970 sa-buah Kolam Ikan telah di-tubohkan di-Sungai Jambu, dan ladang ikan tersebut telah di-jadikan sa-bagai Pusat Akuakutur bagi mengembangkan jenis2 ikan.

Sa-terus-nya dalam tahun 1967 hingga 1972 kebanyakkan tenaga Jabatan Perikanan telah di-tumpukan kapada mereka bentok dan menyiapkan Akuarium Hassanal Bolkiah. Dan dalam tahun 1975 sa-orang Pengarah baru telah di-lantek dan sa-hingga masa ini ramai pegawai2 jabatan tersebut telah di-hantar keluar negeri untok mengikut berbagai2 kursus ilmu2 perikanan.

# K-sama orang ramai perlu utk lichinkan pembahagian tanah

BANDAR SERI BEGAWAN. – Pemangku Juru Ukor Agong, Awang Yunos bin Mohd. Noh, pagi Khamis lalu menyeru orang ramai terutama tuan2 tanah supaya memberikan kerjasama kapada jabatan-nya dalam usaha untok melichinkan kerja2 pembahagian tanah di-jabatan itu.



Awg. Yunos

Menurut-nya, antara lain yang perlu di-lakukan oleh tuan2 tanah pada membantu melichinkan kerja2 sa-umpama itu ia-lah dengan memberikan maklumat2 yang penoh dan tepat ketika menghadapkan permohonan2 pembahagian tanah.

Maklumat2 tersebut, tambah-nya, termasok-lah mengenai kedudokan bangunan2, sungai dan jalan, yang akan di-sesuaikan dengan chadangan2 pembahagian dan chadangan jalan2 keluar masok, yang mana perhatian ka-arah ini akan mengelakkan kerja mengukor yang berulang-ulang.

"Kadangkala, tanah sudah di-runtoh dan di-tembok mengikut kehendak tuan tanah tetapi chadangan pembahagian sama sekali tidak bersesuaian dengan apa yang telah di-sediakan. Chontoh begini selalu di-dapati di-kawasan2 housing-estate," jelas Awang Yunos.

Menjelaskan demikian kapada peserta Taklimat Mukim Mentiri yang berlangsong di-Bilek Persidangan Bahagian Penerangan di-sini. Awang Yunos menambah kata, apa yang juga penting di-ketahui oleh tuan tanah ia-lah tentang kedudokan batu2 sem-

Lihat muka 9

# Sekolah Latehan Laut akan di-adakan

BANDAR SERI BEGAWAN. – Sa-tiap tugas2 yang di-selanggarakan ka-atas perayeran Negeri Brunei serta tanggong-jawab am Jabatan Laut telah di-jelaskan dengan panjang lebar kapada sa-ramai 40 orang penduduk dari Mukim Mentiri yang menghadhiri siri Majlis Taklimat yang di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

Demi menjaga keselamatan semua pengguna2 lalu lintas di-perayeran Brunei, peserta2 taklimat itu telah di-beri tahu, ada-lah tanggong-jawab Jabatan Laut bagi menyediakan dan memelihara tanda2 pelayaran di-perayeran Brunei, yang mana sa-hingga ka-hari ini sebanyak 28 buah panchang telah di-dirikan di-kawasan perayeran Brunei dan Muara dan 2 di-perayeran Kuala Belait.

Selain dari itu, menurut Awang Hj. Hassan bin Hj. Abd. Ghani, selaku wakil Pengarah Laut, jabatan-nya ada menyediakan Juru-pandu2 yang boleh membawa mana2 kapal perniagaan keluar masok ka-Pelabohan Muara.

Menyentoh berkenaan dengan pemeliharaan Pelabohan Muara, Awg. Hj. Hassan selanjut-nya berkata, bahawa Jabatan Laut hanya bertugas memberikan pendapat dan nasehat kapada Pengarah Peranchang Ekonomi mengenai usol2 dan ranchangan2, sedangkan pemeliharaan-nya telah di-kendalikan oleh Consultant Engineer. Manakala alor ayer dalam pelabohan itu dan pengorekan-nya telah di-kendalikan oleh sa-buah kapal Kerajaan yang bernama S.H.P. Belangkas sejak tahun 1974 lagi.



Awg. Haji Hassan

Sementara itu, jabatan ini juga telah menggunakan "oil pollution" di-seluroh perayeran Brunei bagi menchegah dari kekotoran laut.

Awang Hj. Hassan juga menjelaskan jabatan Laut pada masa ini telah mengeluarkan lesen2 motor sangkut dan kapal2 yang membawa penumpang2 dan barang2 kargo, tetapi tidak terdapat sebarang peratoran atau satu sukat yang membolehkan kuasa2 di-atas tadi di-jalankan. Dengan yang demikian jabatan Laut telah menambah undang2 baru, yang mana maseh dalam proses pembuatan. Di-dalam-nya terkandong undang2 keselamatan, pemereksaan bilangan penumpang, lampu2

Lihat muka 9




## Tahun baru perlu perhitongan:

# SA-JAUH MANA PERENTAH2 TUHAN KITA LAKSANAKAN

MARI-LAH kita tingkatkan ketaqwaan kita kapada Allah s.w.t. ia-itu dengan mengisikan saki baki umor kita dengan meningkatkan ketaatan amal ibadat kapada-Nya dan sentiasa berwaspada daripada melanggar larangan2-Nya. Mari-lah kita jalani kehidupan dunia ini dengan berpandu kapada ajaran2 Islam yang benar lagi lurus.

Alhamdulillah kita sekarang sudah memasoki bulan Muharram ia-itu memasoki tahun Hijrah 1403. Dengan datang-nya Muharram ini bererti bertambah-lah satu tahun lagi umor kita, yang bererti pula Allah telah memberi kesempatan memasoki tahun baru ini untok di-perhatikan samada kita lebeh banyak berbuat baik atau berbuat jahat, samada kita lebeh banyak berbuat amal ibadat atau berbuat maksiat, dan samada kita lebeh banyak membuat perubahan2 sikap dan chara hidup kita ka-arah taraf hidup yang lebeh baik atau maseh tetap berada saperti yang sudah2. Semua-nya itu ada-lah terpulang kapada diri kita masing2. Sa-barang perbuatan samada ka-arah lebeh baik atau jahat ada-lah tertaklok kapada sikap dan tindakan kita, kerana Allah tidak akan mengubah nasib dan keadaan kehidupan kita melainkan kita sendiri-lah yang mengubah-nya samada dari segi kepentingan hidup di-dunia atau pun di-akhirat.

Dalam menghadapi tahun baru Hijrah ini, kita perlu-nya mengadakan perhitongan terhadap diri sendiri apa yang telah kita lakukan dalam waktu satu tahun yang telah kita tinggalkan, apa-kah amal yang telah kita kerjakan, sa-jauh mana-kah perintah2 Tuhan kita laksanakan, dan sa-jauh mana pula larangan2 Tuhan yang telah kita langgar. Semua-nya amat perlu kita buat perhitongan sendiri sa-belum tiba waktu segala amal kita di-hitong dan di-hisab di-hadapan Allah di-hari kiamat nanti.

Saidina Umar bin Al-Khatab r.a. pernah berkata yang erti-nya: *"Adakan-lah perhitongan terhadap diri kamu sendiri sa-belum kamu di-hitong segala amal kamu."* Kata2 hikmat dari Saidina Umar r.a. itu mengandongi hikmat dan erti yang sangat luas dan ia-nya patut di-jadikan pengajaran dan ingatan kapada kita.

**JANGAN LALAI**

Saidina Umar telah memberi ingatan dan mengajar kita supaya jangan lalai di-waktu hidup di-dunia bahkan hendak-lah selalu membuat perhitongan umor yang di-pinjamkan Allah kapada kita. Umor yang di-pinjamkan itu bukan-lah sa-suatu yang sia2 bahkan ada-lah sa-suatu yang amat berharga yang wajib di-gunakan untok menyediakan bekalan bagi menempoh kehidupan abadi di-akhirat.

Allah s.w.t.telah berfirman di-dalam surah Al-Baqarah ayat 197, kira2 maksud-nya: *"Dan hendak-lah kamu wahai orang2 mukmin menyediakan bekalan yang chukup, kerana sesunggoh-nya sa-baik2 bekalan itu ia-lah taqwa kapada Allah Ta'ala, dan bertaqwa-lah kamu wahai orang2 yang berakal."*

Pengertian ayat di-atas ia-lah bahawasa-nya menghadapi kehidupan akhirat maka bekalan dan jaminan yang paling baik ia-lah dengan bertaqwa kapada Allah.

Erti taqwa itu amat luas, ia-nya meliputi segala sa-suatu pada melaksanakan titah perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya. Sa-benar-nya segala perbuatan kita baik yang zahir mahu pun batin samada perbuatan anggota2 badan yang zahir atau perbuatan2 hati yang batin tiada-lah terlepas dari hukum yang lima, ia-itu samada termasok perkara wajib, atau sunnat, atau haram, atau makroh atau harus. Perkara wajib itu jika kita kerjakan kita mendapat pahala dan ganjaran baik daripada Allah, dan jika kita meninggalkan kita mendapat dosa dan balasan jahat daripada-Nya. Manakala perkara sunnat itu jika kita kerjakan kita dapat pahala dan jika kita tinggalkan tiada-lah kita mendapat dosa. Ada pun perkara yang haram jika kita lakukan kita mendapat dosa dan jika kita tinggalkan mendapat pahala, manakala perkara makroh jika kita lakukan kita tiada berdosa dan jika kita tinggalkan kita mendapat pahala, dan perkara harus pula tiada-lah kita mendapat pahala atau dosa samada kita kerjakan atau tinggalkan.

**BELAJAR UGAMA**

Untok mengetahui hukum2 ugama yang lima itu kita umat Islam di-wajibkan belajar ugama samada kapada guru2 ugama atau kapada orang2 yang alim dalam hukum2 ugama kemudian sa-telah mendapat tahu dengan sah-nya hukum2 itu sa-chara berguru boleh-lah kita tambahkan ilmu pengetahuan kita dengan membacha kitab2 ugama yang muktabar atau mendengar sharahan2 ugama dari pensharah2 yang baik. Dengan chara2 itu dapat-lah kita mengenal hukum mana yang wajib, mana yang haram, mana yang sunnat, mana yang makroh dan mana pula yang harus. Dengan ilmu yang meyakinkan itu dapat-lah kita beramal ibadat dengan tiada teragak2 dan penoh keyakinan akan sah atau batal-nya sa-suatu yang di-kerjakan atau di-tinggalkan, dan dengan jalan itu juga dapat-lah kita tingkatkan ketaqwaan kita dari satu masa ka-satu masa sa-hingga tiba ajal kita menemui Allah s.w.t.

Dari itu wahai kaum muslimin, mari-lah kita membuat penilaian semula akan perjalanan hidup kita dengan membuat perhitongan amal baik dan amal jahat kita yang lalu. Kalau kita maseh jahil tentang hukum sa-sautu, wajib-lah kita belajar atau berguru kapada sa-seorang yang pandai, supaya amal ibadat kita dan segala perbuatan kita zahir dan batin di-dunia ini sah dan betul serta di-terima oleh Allah Ta'ala.

# SA-TIAP PERBUATAN AKAN DI-BALAS

**Bingkisan minggu ini**

Allah s.w.t. telah menjelaskan dan memperingatkan bahawa sa-tiap yang baik dari perbuatan hamba-nya akan di-balas amal-nya itu dengan kebaikan, begitu juga sebalek-nya sa-tiap perbuatan yang jahat maka Allah s.w.t. akan membalas-nya dengan kejahatan yang mana kadang2 balasan itu nampak sa-masa di-dunia ini, apatah lagi di-akhirat nantitentu-lah akan lebeh dahshat lagi.

**DI-TIMPA BALA**

Di-antara perbuatan2 yang menyebabkan sa-seorang itu di-timpa bala ada-lah kerana dalam kehidupan mereka sendiri terdapat perbuatan2 yang menyimpang dari ajaran Allah, perbuatan2 yang di-murkai Allah atau yang mendatangkan kebenchian Allah tanpa menyedari akibat yang akan berlaku pada diri-nya dan juga masharakat umum-nya. Perbuatan2 saperti mengumpat, berkhianat, menyakitkan hati orang, dan bermacham2 lagi perbuatan2 tersebut di-laksanakan dengan segala senang hati dan bangga. Menchachi atau memburokkan sa-sama Islam sa-olah2 bagi-nya satu kemenangan dan mendapat satu kepuasan. Pada hal perbuatan yang sedemikian itu hanya akan melemahkan perpaduan umat Islam umum-nya. masharakat Islam yang hidup berkeluarga, berjiran dan bernegara.

**FIKIRAN WARAS**

Allah s.w.t. yang bersifat maha pemurah dan maha pengaseh menaroh kaseh sayang kapada hamba-Nya di-samping menyuroh supaya mereka mahu berfikir dengan jujor, mempergunakan akal fikiran yang waras untok berbuat perkara yang berkebajikan, perkara maksiat walaupun pada zahir-nya nampak seronok tetapi pada hakikat-nya tetap-lah mengandongi kejahatan oleh itu hendak-lah di-jauhi. Perbuatan yang baik dan yang jahat itu atau perbuatan yang berpahala dan mendatangkan dosa itu se benar-nya dapat di-timbangkan oleh akal fikiran kita. Kechuali sa-seorang itu tidak lagi mahu menggunakan akal fikiran-nya dengan sa-baik2-nya maka jatoh-lah ia kapada perangkap hawa nafsu dan hasutan shaitan.

Al-Ghazali Filasauf Islam mengatakan bahawa "Antara sebab2 manusia itu hidup terlaknat saperti kaum Bani Israil, kaum Ad dan Thamud dahulu itu, ia-lah kerana mereka telah lupa diri-nya sabagai hamba Allah."

Firman Allah dalam surah Al-An'am ayat 153 yang maksud-nya kira2:

*"Sesunggoh-nya ini-lah jalan-Ku yang lurus maka turuti-lah. Jangan-lah kamu turuti jalan2 yang lain, kerana nanti kamu terpisah dari jalan Tuhan, itu-lah yang di-nasehatkan (di-perintahkan) oleh Allah kapada kamu, mudah2an kamu bertakwa."*

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 27hb Oktober, 1982 hingga ka-hari Selasa 2hb Nobember, 1982 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 27hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 28hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 29hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 30hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 31hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 1hb Nob | 12.10 | 3.28 | 6.07 | 7.21 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 2hb Nob | 12.10 | 3.28 | 6.07 | 7.21 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## PENGUMOMAN

Jemaah haji Brunei tahun ini yang baru saja pulang ka-tanah ayer mengikuti Sheikh Haji Ibrahim yang tinggal di-rumah pangsa Blok F sa-masa berada di-Mekah yang kehilangan jam tangan boleh berhubong terus ka-Bahagian Pengurusan Haji di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan sewaktu pejabat di-buka.

## MAJLIS DAILOG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pendidek Nasional Brunei — PPNB akan menganjorkan satu majlis dailog di-antara ahli2 jawatankuasa Meneliti Masaalah Pelajaran dengan para guru.

Majlis tersebut akan di-adakan di Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill mulai jam 8.00 pagi.

Pegawai2 Jabatan Pelajaran, Guru2 Besar Sekolah dan Maktab serta guru akan hadhir sama dalam majlis tersebut.

## Radio minggu ini:

# SA-BUAH PERUTUSAN DI-BILEK SIARAN

Cherita haji belum kendur, sama seperti minyak atar yang maseh terbang di-bawa angin melanda lubang2 hidong. Cherita memanjat bumbung bas dari Arafah dan sesat di-tanah suchi maseh menggelikan. Dan tidak kurang pula cherita sa-orang haji yang dapat menchium Hajar Aswad dua belas kali. Ini baru cherita para jemaah haji, belum lagi cherita orang radio. Orang radio pula bercherita; mereka menyiarkan kursus2 haji, pengumoman2 haji, jadual keberangkatan jemaah haji, kepulangan jemaah haji, "interview" melalui tali pon ka-Mekah dengan jemaah2 haji, ulasan sa-chara langsong Uquf di-Padang Arafah dan perutusan Idil Adha daripada para jemaah haji di-Mekah dan lain2 lagi.

Dan memang terlalu besar liputan Radio Brunei ka-atas segala berita dan peristiwa di-musim haji itu lebeh2 lagi pada tahun ini sa-hingga Radio Brunei mengadakan siaran 24 jam untok membuat liputan khas para jemaah haji. Namun demikian ada juga sa-orang pendengar/pengkeritik — Mat Sa'at? — yang tidak suka malah menentang Radio Brunei menyiarkan siaran2 haji ini. Mat Sa'at? berpendapat bahawa siaran haji itu membuang masa sahaja tidak ada guna-nya dan tidak perlu di-adakan siaran2 tambahan 24 jam itu.

Berhubong dengan ini Radio Minggu Ini (RMI) mengadakan satu "interview" khas dengan Pengelola Bahagian Melayu (PBM) Radio Pengiran Hajjah Meriam Pg. Metali. "Interview" bermula kira2 begini;

RMI: "Kenapa Radio mengadakan liputan terbesar pada musim haji tahun ini?"

PBM: "Sa-benar-nya bukan tahun ini sahaja, sudah tiga tahun berturut2 Radio membuat liputan lengkap dan menyeluroh ka-atas jemaah2 haji kita, chuma pada tahun ini laporan-nya agak lebeh istimewa."

RMI: "Berbalek kapada inti persoalan, apa-kah maksud radio di-sebalek siaran khas musim haji itu?"

PBM: "Pertama untok memberi panduan kapada para jemaah haji itu sendiri dan memberi maklumat kapada saudara-mara mereka supaya dapat mengetahui lebeh awal waktu pemergian dan ketibaan mereka pulang. Dengan demikian saudara-mara dapatlah menyambut mereka dengan sempurna menurut adat yang terlazim bagi orang2 Melayu di-Brunei. Dan ini juga merupakan kerjasama pehak radio dengan pehak yang berkuasa haji di-negeri ini agar segala2-nya berjalan dengan lanchar. Dan kedua, yang berupa 'message' yang ingin di-sampaikan oleh Radio kapada orang ramai ialah bahawa siaran haji itu di-harap akan dapat memberikan satu daya tarekan yang memberi kesan kapada jiwa umat Islam di-negeri ini untok menunaikan Fardhu Haji di-Mekah. Siaran2 langsong dari lapangan terbang dan siaran2 langsong dari Padang Arafah yang di-buat oleh Radio itu di-harapkan akan dapat mengetok lebeh banyak pintu hati Umat Islam di-negeri ini supaya semakin ramai menunaikan Fardhu Haji ka-Mekah sa-tiap tahun. Radio tidak-lah berhajat untok mendakwa bahawa bertambah-nya bilangan para jemaah haji dari tahun ke-tahun di-sebabkan oleh siaran2 khas radio ini, chuma apa yang ingin kita katakan di-sini ia-lah bahawa Radio Brunei bukan-lah sekadar berusaha memutarkan lagu2 pop sahaja, tetapi radio juga memainkan peranan-nya dalam menegakkan shi'ar Islam."

Interview dengan Pengelola Bahagian Melayu Radio Brunei itu di-tamatkan saja di-sini apabila Radio Minggu Ini dapat menangkap maksud-nya. Rupa2-nya ada 'message' di-sa-balek siaran haji Radio Brunei sa-tiap tahun itu. Alhamdulillah. Sekurang2-nya siaran khas 24 jam itu ada tujuan-nya, bukan-lah sa-bagaimana pendapat pengeritik chuma untok membuang2 masa sahaja.



## Siri Enchanted Castle

Mereka di-atas, dari kiri Candida Beveridge (Cathy); Marcus Scott-Barrett (Jimmy); Simon Sheard (Gerald) dan Georgia Slowe (Mabel) dapat di-saksikan dalam siri ENCHANTED CASTLE yang akan di-tayangkan pada hari Selasa jam 5.30 petang.

intisari RTB minggu ini

## SANDIWARA RADIO:

# NENEK OH NENEK

PARA peminat Sandiwara Radio Minggu Ini akan di-perdengarkan dengan sa-buah lagi kesah kehidupan manusia yang di-harongi dengan berbagai chara dan rupa. NENEK OH NENEK di-lahirkan dari hasil nukilan pena Sani A. B. Brunei.

Watak Mayang dalam cherita ini di-besarkan dan di-didek oleh sa-orang nenek yang tinggal di-hutan dan jauh dari manusia2 lain. Sebab2 kenapa Mayang di-besarkan di-sana ada-lah merupakan satu misteri. Kerana chara kehidupan-nya yang telah di-lalui sa-lama 20 tahun itu, Mayang hanya mengenali nenek yang memelihara-nya dan keadaan ini telah membentok-nya menjadi sa-orang yang penakut.

Tempoh yang sudah lama itu tidak pula menghapuskan ingatan Kahar dan Tipah kapada anak kandong mereka. Malah ingatan mereka semakin kuat terhadap anak yang mereka sendiri tidak tahu hidup atau mati-nya.

Bertepatan dengan itu-lah juga nenek tua tempat Mayang mengadu nasib itu merasa gelisah hendak memperkatakan tentang sa-suatu yang di-rahsiakan-nya sa-lama ini. Ia hendak menchurahkan pada Mayang siapa dia yang sa-benar-nya.

Kerana Kahar dan Tipah sudah tidak dapat membendong perasaan rindu terhadap anak yang yang telah lama di-tinggalkan, mereka pun pergi menchari nenek dengan harapan akan dapat menemui orang yang telah sekian lama di-rindui.

Mungkin-kah Kahar dan Tipah akan memperolehi apa yang mereka hajati? Terchapai-kah hasrat nenek tua untok menjelaskan siapa Mayang yang sa-benar-nya? Bagaimana pula reaksi Mayang? Jangan lupa untok mengikuti siaran-nya pada 31hb. Oktober, 1982 untok penjelasan sa-lanjut-nya.

Ranchangan ini di-usahakan untok siaran oleh **Salmah Abd. Rahman.**

## RANCHANGAN TVP — dari 1hb hingga 7hb November, 1982

### ISNIN — 1HB NOB

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 728
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, DI-MANA TEMPAT-NYA, SI-AMINAH, NAIK KUDA, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok CHERITA Che'gu Rokiah ia-lah KANCHIL DENGAN GAJAH.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 728

### SELASA — 2HB NOB

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 729
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BELON SI-MANIS, KERJA TANGAN, SI-MANIS, KATA SI-MANIS, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 729

### RABU — 3HB NOB

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 730
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, PETI SURAT, MAIN KIM, BERSENAM, HALAMAN BINATANG dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 730

### KHAMIS — 4HB NOB

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 731
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, TUNJOK BENDA, AMIN, MAIN BOLA, HALAMAN MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 731

### JUMAAT — 5HB NOB

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, MAIN BOLA, MENGATOR GAMBAR dan CHERMIN SAKTI.

### SABTU — 6HB NOB

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 732
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti KETUA KESELAMATAN, AMINAH, PEKERJAAN SENDIRI, BOLA TUMBOK, MEMBUAT MOBILE dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 732

### AHAD — 7HB NOB

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan hari ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti NAIK KUDA, GAMBAR DARI RUMAH, MAIN BAKUL, BELON SI-MANIS, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.







Awang Haji Badaruddin menyampaikan hadiah kapada ketua pasokan dzikir Kampong Batu Marang, Awang Piut bin Hj. Chuchu, yang telah menjadi johan dalam peraduan dzikir tersebut. (kanan)

Sa-bahagian daripada orang ramai yang hadhir bagi menyaksikan peraduan dzikir yang mana Pengarah Penerangan menjadi tetamu khas di-malam itu. (atas)

Pasokan dzikir wanita dari Kampong Mentiri yang telah menjadi johan dalam peraduan dzikir tersebut. (bawah)



# SEMANGAT BERAJA DAN BERSULTAN DLM BERPERAYAAN

MENTIRI. — Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menyatakan menerusi berbagai-bagai kegiatan dalam sambutan dan perayaan yang di-adakan ia-nya mempunyai pertalian dengan sebutan dan nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sa-bagai pemerintah tertinggi di-negeri ini.

Awang Haji Badaruddin berkata menerusi berbagai-bagai kegiatan dalam sambutan dan perayaan yang di-adakan semangat itu akan dapat di-kembangkan dengan baik dan beliau perchaya semangat Beraja dan Bersultan itu akan terus di-suborkan.

Beruchap demikian ketika merasmikan peraduan dzikir Sempena Hari Puja Usia Kebawah DYMM yang Ke-36 tahun anjoran Mukim Mentiri di-Dewan Sekolah Melayu Mentiri pada malam Ahad, 16hb. Oktober baru2 ini.

Kata-nya, satu hal yang patut di-perhatikan dalam perayaan sa-umpama itu, kita hendak-nya tidak sa-mata2 terdorong dan terpengaroh oleh perayaan dalam makna semata2 hiboran dan kegembiraan yang di-bertok dan di-dapatkan sa-chara yang boleh mendatangkan kesan sampingan yang kita tidak menduga.

"Saya perchaya dengan sa-mata2 niat dan tujuan mera'ikan Keputeraan Kebawah DYMM belum-lah membolehkan kita untok melangkahi peratoran dan undang2, apa-tah lagi jika ternyata perkara2 itu berlawanan dengan shara' yang menjadi tunjangan kekuatan dan keberkatan negeri ini," ujar-nya.

Awang Haji Badaruddin menyatakan selera orang ramai terutama sekali kalangan muda belia patut-lah di-fikirkan dengan hati2, kerana sambil kita berharap untok menarek mereka menyertai perayaan itu dan sambil kita menaroh keperchayaan untok mereka mengambil inisiatif mengadakan-nya, hendak-nya-lah kita dapat menghadkan berbagai-bagai kemahuan dan selera dengan sentiasa mengambil kira perkara2 yang boleh mendatangkan kesan sampingan yang tidak di-ingini.

Sa-takat ini, kata-nya sambutan Hari Keputeraan telah pernah di-sebut dalam Mahkamah dalam hubongan-nya dengan kes jenayah yang melibatkan muda-mudi belasan tahun.

Maka tentu-lah malang jika kita meranchang satu2 achara sa-mata2 dengan niat dan tujuan sempena perayaan Hari Keputeraan yang kita harap untok mengukoh dan mengembangkan semangat beraja tetapi dengan sebab chorak dan bentok achara-nya itu boleh mendatangkan kesan sampingan yang tidak di-ingini, jelas-nya.

Selanjut-nya kata beliau, kechintaan terhadap negeri ini tentu-lah menjadikan kita lebih banyak berwaspada dalam banyak hal dan perkara, termasok-lah, hendak-nya, kita tidak akan chamah mata dan berat mulut dalam melihat dan berkata-kata tentang suatu perkara yang boleh menggonchangkan asas2 kemegahan negeri Brunei sa-bagai Kesultanan Melayu Islam yang menjunjong tinggi kemuliaan hukom shara' dan keberkesanan undang2.

Terdahulu dari itu uchapan alu2an telah di-sampaikan oleh Pg. Haji Kahar bin Pg. Haji Besar, Penghulu Mukim Mentiri sa-laku Pengerusi Jawatan-kuasa Hari Keputeraan Kebawah DYMM yang ke-36 tahun bagi Mukim Mentiri.

Johan dzikir bahagian lelaki di-sandang oleh pasokan dari Kampong Batu Marang sementara bahagian perempuan di-menangi oleh pasokan dari Kampong Mentiri. Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Hj. Othman. — MHM.

## Jadual lawatan doktor terbang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkhidmatan Perubatan di-sini, yang menggunakan pesawat helikopter akan meneruskan lawatan kebeberapa buah kampong pendalaman di-negeri ini, di-sepanjang bulan Nobember depan.

Perkhidmatan tersebut akan di-mulakan di-Kampong Biang Menengah Lamaling di-Daerah Temburong pada 1hb. Nobember, 1982, di-Kampong Panchong, Daerah Tutong pada 2hb. Nobember, di-Kampong Ukong, Tutong pada 3hb. Nobember, di-Kampong Sukang, Kuala Belait, pada 8hb. Nobember, di-Kampong Belabau, Tutong pada 9hb. Nobember dan di-Kampong Melilas, Belait pada 10hb. Nobember, 1982.

Pada 15hb. Nobember perkhidmatan itu akan berada di-Kampong Supon Besar, Tutong, pada 16hb. Nobember di-Kampong Long Mayan, Supon Kechil, Tutong, pada 17hb. Nobember di-Kampong Bukit, Tutong dan di-Kampong Teraja Apak2, Belait pada 22hb. Nobember.

Sa-terus-nya perkhidmatan itu akan melawat Kampong Buau, Belait pada 23hb. Nobember, di-Kampong Benutan, Tutong pada 24hb. Nobember, di-Kampong Mapol Baru Merimbun, Tutong pada 29hb. Nobember dan akhir sekali mereka akan berada di-Kampong Lopat, Temburong pada 30hb. Nobember 1982.

# Derma untok Tabong Anak2 Yatim

Sa-orang peniaga, Awang On Chun Chai telah menderma sa-banyak $2,000.00 kapada tabong2 kebajikan di-negeri ini.

Sa-banyak $1,000.00 di-dermakan-nya kapada Tabong Anak2 Yatim Daerah Tutong dan $1,000.00 lagi kapada Tabong bagi Orang2 Chachat Negeri Brunei.

Sumbangan tersebut di-sampaikan oleh Awang On kapada Pg Sallehuddin bin Pg. Haji Mohd. Yusof awal bulan ini ketika beliau menjadi Penolong Pegawai Daerah Tutong (gambar bawah), sambil di-saksikan oleh Penghulu Mukim Pekan Tutong, Awang Haji Murshidi bin Muhammad dan Awang Malek bin Abd. Latif.



Kalau Selalu Beringat2 di-jalanraya kurang-lah berlaku kemalangan

# SAMBUTAN2 AWAL TAHUN HI



KEDATANGAN Tahun Hijrah 1403 yang jatoh pada hari Selasa, 18hb Oktober telah di-sambut dengan perjumpaan2 keugamaan di-surau2 dan masjid di-empat-empat daerah di-negeri ini.

Kira2 700 orang jemaah yang terdiri dari pegawai2 Kerajaan dan pendudok2 di-Daerah Belait membanjiri Masjid Mohammad Jamalul Alam untok bersama-sama meraikan dan memperingati hari yang bersejarah ini. Sambutan di-masjid tersebut ada-lah anjoran jabatan2 Kerajaan Daerah Belait.

Para hadhirin pada malam itu telah juga berkesempatan untok mendengarkan satu cheramah dari Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, Kadhi Besar Brunei. Turut hadhir ia-lah Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg. Haji Abdul Aziz, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awg. Haji Hussein, Pengarah Kebajikan Belia Dan Sokan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Pengarah Penerangan, Penolong Pegawai Daerah Belait, Pg. Ali Hassan, Kadhi Daerah Belait serta pegawai2 kanan Kerajaan daerah itu.

Sambutan yang sa-rupa telah juga di-adakan di-Masjid2 Seria dan Sungai Liang.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kedatangan awal tahun baru Hijrah 1403 telah di-sambut dengan berbagai achara keugamaan di-seluroh negeri. Awal tahun baru Hjirah tahun ini jatoh pada hari Selasa bersamaan 19hb. Oktober, 1982.

Achara sambutan bermula pada petang hari Isnin yang di-isikan dengan majlis bachaan Doa Akhir Tahun dan bachaan doa awal tahun yang kemudian-nya di-ikuti dengan sembahyang Maghrib dan Isha berjemaah di-masjid2.

Di-samping itu ia-nya juga ikuti dengan cheramah2 keugamaan yang di-sampaikan oleh pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Kebanyakkan cheramah2 yang di-sampaikan ada-lah berkisar di-sekitar masaalah yang berbangkit mengenai sembahyang qadha dan sunnat di-samping menekankan beberapa kesan dari peristewa Hijrah yang bersejarah itu.

Sambutan kedata[ng]
Hijrah 1403 ini wa[...]
adakan sa-chara me[...]
kalangan umat Isla[m]
Di-mana2 tempat
cheramah ugama d[i]
di-penohi dengan k[...]
ramai.

Dalam majlis ya[ng]
Masjid Muhammad
Kuala Belait dan d[i]
Kem Yang Berho[rmat]
Menteri Besar Pe[hin]



PARA hadhirin yang hadhir dalam sambutan Tahun Hijrah 1403 di-Masjid Mohammad Jamalul Alam Kuala Belait (kanan dan bawah) ketika mendengar cheramah yang di-sampaikan oleh Kadhi Besar, Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awg Haji Abd Hamid bin Bakal (atas).



# ..RAH 1403

..ahun baru
..n tidak di-
..akkan dari
..-negeri ini.
..a majlis2
..kan ia-nya
..gan orang

..adakan di-
..alul Alam
..u Berakas
.. Pemangku
..ang Kaya

Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg. Haji Abd. Aziz dan beberapa orang pegawai kanan kerajaan telah hadhir.

Manakala Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Setia Abdul Hamid bin Bakal dan Awang Haji Abdul Aziz bin Juned masing2 telah menyampaikan cheramah-nya di-majlis2 tersebut. Sementara Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim pula telah menyampaikan cheramah-nya di-Masjid Muhammad Bolkiah, Serusop.

# WAJIB MEMATOHI FATWA MUFTI

**Satu Cheramah Khas Sempena Awal Muharram 1403 telah di-adakan pada 18hb. Oktober, 1982 ia-itu sa-lepas Sembahyang Maghrib sementara menunggu Isha. Cheramah tersebut telah di-sampaikan oleh Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awg. Haji Yahya bin Haji Ibrahim bertempat di-Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop, Jalan Muara.**

**Dalam cheramah-nya antara lain beliau menyentoh tentang fatwa2 yang di-keluarkan oleh Yang Di-muliakan Pehin Datu Seri Maharaja, Mufti Kerajaan Brunei.**

**Menurut beliau ada-lah menjadi kewajipan kapada semua umat Islam mengikuti dan menjalankan fatwa2 tersebut, kerana ia ada-lah menjadi satu kehendak Undang2 Majlis Ugama Islam.**

**Sa-terus-nya beliau berseru supaya umat Islam di-negeri ini jangan mendengar atau terpengaroh kapada pendapat, fikiran2 atau tulisan2 orang lain samada di-negeri ini atau dari luar negeri yang berlawanan atau berchanggah dengan fatwa2 tersebut.**






YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, YB Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain dan YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail ketika hadhir dalam sambutan Tahun Hijrah di-Berakas Garrison. Sambutan pada malam itu juga di-isikan dengan satu cheramah khas yang di-sampaikan oleh Awang Haji Abdul Aziz bin Juned (kanan).

Sambutan2 yang serupa juga di-adakan di-beberapa buah masjid dan surau di-seluroh negeri. Gambar bawah kelihatan sa-bahagian dari para jemaah yang hadhir dalam sambutan di-masjid Kampong Serdang.

BERAKAS. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1403 bertempat di-Madrasah Berakas Garrison pada malam Khamis, 20hb. Oktober, yang lalu.

Majlis pada malam itu di-dahului dengan sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah yang di-imamkan oleh Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain, sementara sembahyang Fardhu Isha berjemaah telah di-imamkan oleh Mufti Kerajaan Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail.

Sa-telah menyempurnakan menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib, majlis di-mulakan dengan uchapan alu2an oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kol. Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad selaku penaong majlis tersebut. Sa-buah sharahan khas telah di-sampaikan oleh Awang Haji Abd. Aziz bin Juned.

Antara yang hadhir ia-lah YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd.-Aziz, Pegawai2 Kanan Kerajaan, Pegawai2 Pemerintah Pasokan AMDB serta perajurit2. Doa selamat telah di-bachakan oleh Begawan mudim Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Pehin Dato Imam Haji Mokti.



# PENDIDEKAN DALAM ISLAM

## SIRI KE-155

Telah di-ketahui dari Al-Kor'an bahawa Saidina Ibrahim 'Alaihissalam telah berdo'a kapada Allah Ta'ala supaya manusia datang ka-Mekah Al-Mukarramah membawa makanan dan buah-buahan, supaya zuriat dan anak chuchu Baginda yang di-tempatkan di-Mekah Al-Mukarramah dapat hidup untok berkhidmat kapada Ka'abah dan beribadat kapada Allah Ta'ala.

### Didekan sa-chara Islam

Walhasil didekan orang2 Saudi menjalankan hukum2 Allah Ta'ala menurut panduan Al-Kor'an dan As-Sunnah dalam kehidupan mereka sa-hari2 dengan penoh semangat dan segala daya upaya mereka.

Di-Pakistan, Negeri Pakistan di-tubohkan kerana menghidup dan menegakkan Islam, maka sebab itu pemimpin2-nya menjalankan dasar menghayati Islam, mereka berusaha mengembalikan umat Pakistan kapada hidup chara Islam dan patoh pada ajaran Islam.

Mengikut maklumat yang telah kita terima, mereka telah mengasingkan kanak2 lelaki daripada kanak2 perempuan di-dalam Sekolah2 dan Universiti2, dengan membangunkan Sekolah2 dan Universiti2 sa-chara berasingan dan mengubah undang2 dan kanun2 negeri yang di-ambil dari undang2 dan Kanun Inggeris kapada undang2 dan Shari'ah Islam.

Mereka merotan orang berzina dan merogol, dan merejam orang berzina yang muhsan, dan merotan orang2 yang minum arak dan mengenakan undang2 wajib membayar zakat.

Mereka membuka sekolah2 dan universiti2 bagi kepentingan pengetahuan dan kehidupan mereka bertanam, berusaha, bertukang dan lain2 kerja bagi kemakmoran kehidupan umat Pakistan, mereka sembahyang di-mana sahaja mereka berada pada awal2 waktu dengan berjemaah.

Begitu-lah sa-tengah dari tujuan didekan di-Negeri Pakistan.

Di-Iran, orang2 Islam Iran sa-bagaimana yang di-ketahui dari risalah2 yang di-tulis oleh mereka dan di-siarkan ka-dalam negeri2 Islam bahawa mereka mengajak umat Islam supaya balek hidup mengikut chara Islam dan mengambil tindakan ka-atas orang yang mengkhianati Islam saperti orang2 Bahai, Puak2 kiri anti Islam, sementara perempuan2 mereka di-arahkan berpakaian chara ajaran Islam.

Begitu-lah sa-tengah dari chara didekan dalam Negeri Iran.

### Sistem sosialism

Di-Negeri2 Arab yang lain dari Negeri Saudi, maka negeri2 Arab itu memileh sistem sosialism saperti di-Negeri Syria, di-Iraq, di-Mesir, di-Libya, di-Tunisia dan Al-Jazair (Algeria).

Mereka memakai sa-tengah2 hukum Islam dan sementara itu mengketepikan sa-tengah2 yang lain, kerana kesan2 belenggu penjajahan maseh mendalam di-jiwa, fikiran dan kehidupan mereka, mereka menchampor-adokkan perkara yang baik dan yang jahat. Moga2 mereka kembali kapada jalan yang benar.

Firman Allah Ta'ala dalam Surah At-Taubah ayat 102 yang bererti:

*"Dan ada pula orang2 lain yang mengakui dosa2 mereka, mereka menchampor-baurkan pekerjaan yang baik dengan pekerjaan lain yang burok. Mudah2an Allah menerima taubat mereka. Sa-sunggoh-nya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."*

*Sunggoh pun begitu, di-sana ada kumpolan2 Islam yang bersemangat Islam, berusaha hendak balek dan hidup chara Islam, menerusi sekolah2, universiti, pertubohan2 dan akhbar2 tetapi belum berjaya.*

*Di-riwayatkan daripada sahabat Mu'awiyah Radhialahu 'Anhu kata-nya: Saya mendengar Nabi (Sallallahu 'Alaihi Wasallam) bersabda yang erti-nya: "Sentiasa-lah satu kumpolan daripada umat saya (umat Muhammad) menjalankan ugama Allah, tiada memberi mudharat akan mereka oleh siapa yang tiada mahu menolong dan membantu mereka dan tiada memberi mudharat dan susah akan mereka oleh siapa yang menentang mereka, begitu-lah hal keadaan mereka hingga hampir hari Kiamat" (pada suatu riwayat lain hingga turun Nabi Isa Alaihissalam dari langit). Hadith tersebut di-riwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim.*

### Perlu-nya pengetahuan

Begitu-lah janji Allah dan bantuan Allah kapada umat Islam yang menegakkan ajaran Allah sapanjang masa Islam.

Di-sekolah2 dan universiti2 mereka mengajar segala ilmu dan pengetahuan untok hidup, mereka mengajar ilmu pertanian, ilmu pertukangan, pertahanan negara dan lain2 lagi.

Dengan yang demikian akan membolehkan mereka bertanam, berusaha, bertukang, berniaga dan membuat segala perkara yang di-perlukan dalam hidup, sa-bagaimana lain2 umat yang membangun dan bergerak dan mereka berdikari di-atas diri sendiri dengan tiada bergantong sangat kapada orang lain2.

Begitu-lah sa-tengah dari chorak pendidekan dalam negeri Islam dan Amerika Sharikat pada zaman kita ini dan chorak pendidekan sentiasa berubah menurut hajat dan chorak kedudokan sa-sebuah negeri itu.

WALLAHU A'ALAM

(BERSAMBONG)

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........**



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

# Jabatan Kenderaan Darat pileh wakil

GADONG. — Jabatan Pengangkutan Darat di-sini pada minggu yang lepas telah mengadakan majlis pertandingan membacha Al-Koran bahagian akhir bagi memileh wakil jabatan tersebut ka-pertandingan perengkat negeri bagi jabatan2 kerajaan yang akan di-adakan tidak berapa lama lagi.

Awang Junaidi bin Hamdan telah terpileh sebagai johan dan akan mewakili jabatan tersebut ka-pertandingan antara jabatan2 kerajaan. Tempat kedua telah di-menangi oleh Awang Haji Mislee bin Haji Abdullah dan tempat ketiga ia-lah Awang Baidi bin Haji Awang Damit.

Terdahulu sebelum majlis pertandingan di-mulakan, pengerusi majlis Awang Haji Mislee bin Haji Abdullah telah beruchap dan kemudian-nya di-ikuti oleh uchapan tetamu kehormat di-majlis itu Awang Haji Ahmad bin Haji Ibrahim Pemangku Pengawal Kenderaan Darat.

Penyampaian hadiah2 juga telah di-sempurnakan oleh Pemangku Pengawal jabatan tersebut.



Awang Haji Ahmad bin Haji Ibrahim, Pemangku Pengawal Kenderaan Darat sedang menyampaikan hadiah kapad Awg. Haji Mislee yang mendapat tempat kedua dalam pertandingan tersebut (atas).



Sa-bahagian dari para hadhirin di-majlis tersebut.



# Perlawanan tinju

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Tinju Amator Brunei akan menganjorkan Kejohanan Tinju Kebangsaan Brunei pada 19hb depan bertempat di-Dewan Sekolah Menengah China Kuala Belait.

Kejohanan yang akan di-adakan itu ada-lah berasaskan kapada sambutan orang ramai dalam kejohanan Tinju yang di-jalankan di-Pusat Belia di-sini bulan lalu.

"Dengan ada-nya minat yang begitu menggalakkan yang telah di-tunjokkan oleh peminat2 sokan tinju tanah ayer dalam kejohanan yang baru lalu itu, memboktikan yang sokan tinju maseh lagi di-minati ramai dan ini telah menjadi satu pendorong kapada kami untok terus memperkenalkan sokan tersebut," demikian telah di-jelaskan oleh Pengiran Hashim bin Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya sa-laku Setiausaha Kehormat Persatuan Tinju Amator Brunei.

Menurut Yang Dipertua Persatuan tersebut, Awang S. Palaniandy, kejohanan tersebut pada mula-nya di-ranchangkan pada 6hb. dan 7hb. depan di-Pusat Belia di-sini, tetapi oleh kerana pusat tersebut sedang dalam pengusaian, tempat dan tarikh tersebut telah di-ubah.

Kapada mereka yang berminat untok menyertai kejohanan itu kemudahan latehan kini sedang di-sediakan di-Dewan Kemasharakatan B.S.B. bagi mereka yang tinggal di-Bandar Seri Begawan. Bagi mereka yang tinggal di-Kuala Belait, latehan yang sama juga sedang di-sediakan di-Dewan Kemasharakatan di-daerah tersebut.

Di-samping itu mereka ada-lah di-kehendaki mendaftarkan nama mereka kapada Pengiran Hashim bin Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya di-Pusat Belia di-sini atau kapada Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan daerah masing2 bagi mereka yang tinggal di-daerah Belait dan Tutong.

Satu rombongan 105 orang dan kakitangan Jabatan Letrik yang di-ketuai oleh Pengarah Perkhidmatan Letrik, Malai Ali bin Malai Haji Othman telah bertolak ka-Kuala Lumpur minggu lalu untok menyertai Sukan Antara Perbadanan Eletrik Malaysia-Brunei yang berlangsong di-sana.

Sa-belum bertolak satu upachara rengkas penyampaian Bendera Brunei (gambar atas) telah di-lakukan oleh Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib.

Rombongan tersebut di-jangka kembali ka-tanah ayer hari ini.

## Perlawanan Badminton Sa-negeri berakhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan akhir Badminton peringkat negeri sempena menyambut hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bagi tahun ini telah berlangsong baru2 ini di-Pusat Belia di-sini.

Perlawanan yang merupakan kegiatan tahunan Persatuan Badminton Kebangsaan Negeri Brunei itu telah bermula awal bulan lalu. Sambutan dari pemain2 tempatan dalam perlawanan tersebut ada-lah chukop menggalakkan.

Sa-banyak tujoh bahagian di-pertandingkan dalam perlawanan tersebut yang termasok bahagian berpasokan, perseorangan wanita, bergu wanita, bergu lelaki, veteran, perseorangan terbuka dan bergu veteran.

Dalam bahagian berpasokan, perlawanan tersebut telah di-menangi oleh Foo Enterprise, perseorangan wanita — Hong Moi Leng, bergu wanita — Hong Moi Leng/Miss Lim Siew Hwa, bergu lelaki — Wahab Moksin/Asri, veteran perseorangan lelaki — Koh Kum Seng, perseorangan terbuka — Gallan Foo dan bergu veteran lelaki di-menangi oleh Pengiran Mohammad dan Pengiran Ahmad.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Awang Haji Jaafar bin Haji Mohd Daud sa-laku Yang Dipertua Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei.



Kelihatan Awang Gallan Foo, Johan dalam bahagian perseorangan terbuka (menghadap kamera) sedang menentang Awang Asri Ghafar yang menjadi naib johan.

# SHARIKAT SHELL BERI SUMBANGAN $54 RIBU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharikat Shell Brunei telah membuat sumbangan $54,000 dan juga 150 helai baju sokan kapada Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan khas bagi skim latehan sokan yang sedang di-usahakan oleh jabatan berkenaan.

Sumbangan tersebut ada-lah berikutan dengan ranchangan Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan untok mendapatkan jurulateh2 sokan bagi meningkatkan mutu kesokanan di-negeri ini sa-bagai persediaan bagi mengikuti sokan2 terbesar di-luar negeri.

Ketika ini jabatan tersebut sedang berusaha untok mendapatkan jurulateh2 dalam sokan2 renang, olahraga dan bulu-tangkis.

Sumbangan terbesar pernah di-dermakan itu ada-lah merupakan kutipan daripada Sharikat Minyak Shell Brunei yang menaja jurulateh bagi sokan renang, Sharikat Pemasaran Shell Brunei bagi sokan bulu-tangkis dan Gas Chechair Asli Lumut Brunei (BLNG) yang menaja bagi olahraga.

Penyampaian chek bagi derma tersebut telah di-lakukan oleh Pengurus Gas Chechair Asli Brunei (BLNG), Awang Gjeruf Boye-Christensen kapada Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein bertempat di-Bilek Persidangan Ibu Pejabat Shell Brunei di-sini minggu lalu.






Kelihatan Yang Berhormat Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein sedang menerima sumbangan tersebut bagi Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan daripada Awang Gjerulf Boye-Christensen dan di-saksikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Belia dan Sokan, Awang Talip bin Haji Baruddin dan Pegawai Hal Ehwal Masharakat di-Sharikat Minyak Shell Brunei, Awang Zaini bin Haji Omar.

## Kejohanan B-sepak guru2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejohanan Bolasepak Guru-Guru antara daerah seluroh negeri anjoran Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei di-jangka bermula akhir bulan Nobember depan.

Pemain2 yang akan bermain dalam perlawanan itu nanti ada-lah merupakan mereka yang telah di-pileh oleh daerah masing2 melalui satu pemilehan yang telah di-lakukan sejak bulan lalu.

Daerah Brunei akan di-wakili oleh dua pasokan iaitu Daerah Brunei Muara Satu bagi lingkongan bandar dan satu lagi Daerah Brunei Muara Dua bagi luar bandar. Daerah2 Tutong, Temburong dan Belait masing2 akan di-wakili oleh satu pasokan.

Perlawanan yang di-anjorkan buat ketiga kali-nya itu akan di-jalankan sa-chara liga satu pusingan (round-robin) dan akan di-langsongkan sa-chara bergilir2 di-seluroh daerah.

Pasokan yang menjadi johan dan naib johan dalam pusingan awal akan bertemu sekali lagi dalam pusingan akhir untok menentukan Johan Seluroh Negeri. Jika permainan berkeputusan seri dalam masa permainan yang di-tetapkan maka permainan akan di-teruskan dengan tambahan masa 20 minit (10 minit sa-belah).

Jika dalam masa tambahan itu kedua2 pasokan tidak membuat apa2 jaringan maka kedua2 pasokan akan di-istiharkan menjadi johan bersama dan akan memegang piala bersama (6 bulan tiap2 satu pasokan).

## Bolasepak Jabatan2 Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Persatuan Bolasepak Amatur Daerah Belait (BDAFA) akan menganjorkan perlawanan bolasepak antara Jabatan2 Kerajaan bagi daerah tersebut.

Perlawanan yang di-anjorkan sa-bagai salah satu aktiviti tahunan persatuan tersebut bagi merebut piala yang di-hadiahkan oleh Plan Act Enterprise Singapura.

Di-samping itu ia-nya juga ada-lah bertujuan untok meninggikan mutu sokan bolasepak daerah berkenaan dan juga untok lebeh merapatkan lagi tali siratulrahim serta hubongan muhibbah yang sedia ada di-kalangan pegawai2 dan kakitangan kerajaan.

Jabatan2 kerajaan yang mempunyai pemain2 yang chukop dengan tidak bergabong di-bolehkan mendaftar dua pasokan untok menyertai liga tersebut.

Bagi jabatan2 yang tidak menchukopi pemain2-nya, di-bolehkan bergabong dengan tidak lebeh dari tiga Jabatan untok menubohkan satu pasokan sahaja.

Borang2 penyertaan yang mesti di-kembalikan tidak lewat dari 1hb. Nobember depan sekarang boleh di-perolehi dari Awang Ismail bin Apong, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Kuala Belait atau daripada Awang Hassan bin Louis, Pejabat Daerah Belait.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Tukang Masak di-Istana

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang sesuai untok memenohi jawatan kosong sa-bagai TUKANG MASAK di-Istana Darul-Hana, Brunei.

**Tangga Gaji :**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor antara 25 hingga 45 tahun.

b) Sebaik2-nya mampunyai kelayakan dalam hal-ehwal memasak (catering).

c) Boleh memasak masakan Melayu, European dan lain2.

d) Boleh berbahasa Melayu dengan baik.

e) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang pernah bekerja di-restaurant atau di-hotel.

**Sharat2 Lantekan :**

Selain daripada gaji, bonos tahunan juga di-bayar. Bagi chalon2 yang bukan raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrek ada-lah atas persetujuan bersama. Bagi mereka yang di-lanek sa-chara berkontrek faedah2 termasok-lah baksis pada kadar 25% akan di-bayar.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 8hb. Nobember, 1982.

(E/311/46/4)

(Bil: 295/1982)

## KERANI TINGKATAN III

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai KERANI TINGKATAN III di-dalam Perkhidmatan2 Kerajaan, Brunei.

**Tangga Gaji :**

D.1-2-3 EB.4-5—$425-$1290 sa-bulan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon mesti-lah telah menchapai umor 18 tahun ka-atas

b) Mempunyai kelulusan sekurang2-nya satu mata pelajaran dalam Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa atau kelulusan2 yang sebanding dengan-nya.

c) Mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan bagi perkhidmatan bergaji hari hendak-lah lulus Pepereksaan Kerani2 Rendah terlebeh dahulu sa-belum memohon.

d) Mereka yang mempunyai Sijil Menaip dan Trengkas ada-lah di-beri ka-utamaan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb. Nobemberr, 1982.

( E/274/62/3 )

( Bil: 300/1982 )

## Sa-bagai Pemberita di-Jabatan SUK

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PEMBERITA di-Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Penerangan, Brunei.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sa-bulan. Gaji permulaan ber gantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Chalon2 mesti-lah lulus Pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran Brunei Cambridge (Peringkat Biasa) atau yang sebanding dengan-nya, termasok lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris. Mereka hendak-lah chenderong dalam kerja2 kewartawanan serta mempunyai pengetahuan yang baik dalam hal-ehwal yang maseh umum.

b) Pengalaman awal dalam kerja pemberitaan melalui akbar ada-lah suatu keistimewaan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 13hb. Nobember, 1982.

(E/249/75)

(Bil: 296/1982)

## KENYATAAN TAWARAN

TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di-Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan Brunei dari pemborong2 kelas 'C' dan /atau Specialist sa-hingga hari Isnin, 15hb. Nobember, 1982 jam 12.00 tengah hari bagi pembenaan projek yang tersebut di-bawah:—

THE SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF ANTENNA MASTS FOR THE PROPOSED CLERKS AND SIGNALS TRAINING WING, PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-sebutkan di-atas akan tidak di-layan.

3. Tawaran2 hendak-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan sampul surat itu mesti-lah di-tujukan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mesti-lah di-tanda dengan saperti berikut :—

TAWARAN UNTOK:
THE SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF ATENNA MASTS FOR THE PROPOSED CLERKS AND SIGNALS TRAINING WING, PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI.

4. Dokumen2 dan lukisan2 tawaran yang berkenaan boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari yang berikut:—

SAA PARTNERSHIP
Yunit 1, Tingkat Pertama,
Blok E, Bangunan Jefri Bolkiah, Seri Kompleks, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei.

mulai dari hari Isnin, 25hb. Oktober, 1982 hingga jam 4.30 petang hari Isnin, 8hb. Nobember, 1982.

5. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak B$100.00 ( Sa-ratus ringgit sahaja ) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran tawaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya menghantar tawaran yang berseh (bona fide tender).

6. Sa-belum dokumen2 tawaran di-keluarkan semua pemborang2 ada-lah di-kehendaki membawa dan melihatkan perkara2 yang berikut:—

a) Pemborong2 itu ada-lah pemborong yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya dalam Kategori pemborong yang di-kehendaki.

7. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borang2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengechualian tidak di-layan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

## KENYATAAN TAWARAN

TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di-Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan Brunei dari Pemborong2 Kelas A sa-hingga hari Isnin, 8hb. Nob.. 1982 jam 12.00 tengah hari bagi pembenaan projek yang tersebut di-bawah:—

PROPOSED EARTHFILLING TO 66KV SUBSTATION SITE AT NEW MUARA

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-sebutkan di-atas akan tidak di-layan.

3. Tawaran2 hendak-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan sampul surat itu mesti-lah di-tujukan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mesti-lah di-tanda dengan saperti berikut:—

TAWARAN UNTOK
PROPOSED EARTHFILLING TO 66KV SUBSTATION AT NEW MUARA

4. Dokumen2 dan lukisan2 tawaran yang berkenaan boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari yang berikut:—

JURUTERA TEMPATAN
1st Floor,
Unit 7,
Block F,
Jefri Bolkiah Building,
Seri Complex,
Mile 1½,
Jalan Tutong.
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

mulai dari hari Isnin, 25hb. Oktober, hingga jam 4.00 petang hari Jumaat, 5hb. Nobember, 1982.

5. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak $1,000.00 (Brunei Ringgit Sa-ribu Sahaja) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran tawaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang berseh (bona fide tender).

6. Sa-belum dokumen2 tawaran di-keluarkan semua pemborong2 ada-lah di-kehendaki membawa dan melihatkan perkara2 yang berikut:—

a) Pemborong2 itu ada-iah pemborong yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya dalam Kategori pemborong yang di-kehendaki,

b) Surat akuan dari bank2 yang berdaftar di-Brunei yang menunjokkan bank2 itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sa-banyak 10% dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

7. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borang2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengechualian tidak di-layan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

## KENYATAAN TAWARAN

TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di-Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemborong2 Kelas 'A' sa-hingga hari Isnin, 8hb. Nob., 1982 jam 12.00 tengah hari bagi pembenaan projek yang tersebut di-bawah:—

PROPOSED POWER STATION FOR TEMBURONG DISTRICT

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-sebutkan di-atas akan tidak di-layan.

3. Tawaran2 hendak-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan sampul surat itu mesti-lah di-tujukan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mesti-lah di-tanda dengan saperti berikut : —

TAWARAN UNTOK:
PROPOSED POWER STATION FOR TEMBURONG DISTRICT

4. Dokumen2 dan lukisan2 tawaran yang berkenaan boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari yang berikut:—

JURUTERA TEMPATAN,
UNIT 7,
Jefri Bolkiah Shopping Complex,
Mile 1½,
Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

mulai dari hari Isnin, 25hb. Oktober, hingga jam 4.00 petang hari Jumaat, 5hb. Nobember, 1982.

5. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak $1,000.00 (Ringgit Satu Ribu Sahaja) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang berseh (bona-fide tender).

6. Sa-belum dokumen2 tawaran di-keluarkan semua pemborang2 ada-lah di-kehendaki membawa dan melihatkan perkara2 yang berikut:—

a) Pemborong2 itu ada-lah pemborong yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya dalam Kategori pemborong yang di-kehendaki.

b. Surat akuan dari bank2 yang berdaftar di-Brunei yang menunjokkan bank2 itu akan dapat mengeluarkan bankers guarantee sa-banyak 10% dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

7. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borang2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengechualian tidak di-layan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

## KENYATAAN TAWARAN

TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di-Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari pemborong kelas 'A' Hawa Dingin Kontrektor sa-hingga hari Selasa, 9hb. Nobember, 1982 jam 12.00 tengah hari bagi pembenaan projek yang tersebut di-bawah :—

"AIR-CONDITIONING INSTALLATION FOR THE PROPOSED BANGAR SECONDARY SCHOOL, TEMBURONG."

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-sebutkan di-atas akan tidak di-layan.

3. Dukomen2 dan lukisan2 tawaran yang berkenaan boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari yang berikut:—

PANATEC SERVICES
Blk. A - 3, 1st. Floor,
Chempaka Shopping Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan.
Brunei.

mulai dari hari Khamis 21hb. Oktober 1982

4. Tawaran2 hendak-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan sampul surat itu mesti-lah di-tujukan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mesti-lah di-tanda dengan saperti berikut:—

TAWARAN UNTOK:
"AIR-CONDITIONING INSTALLATION FOR THE PROPOSED BANGAR SECONDARY SCHOOL, TEMBURONG."

5. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak B$500.00 (Lima Ratus Ringgit Brunei) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran tawaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang berseh (bone fide tender)

6. Sebelum dukomen2 tawaran di-keluarkan semua pemborong2 ada-lah di-kehendaki membawa dan melihatkan perkara2 yang berikut:—

a. Pemborong2 itu ada-lah pemborong yang berdaftar di-Jabatan Letrik dalam Kategori pemborong yang di-kehendaki.

7 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

## R.B. POLICE FORCE TENDER NOTICE NO. 26/1982

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon on Monday 8th. November, 1982.

Fibre glass Boat Hull — 1 to 6 Nos.

Specifications:

1. Length — 19 ft.
2. Beam — 7.5 ft.
3. Weight — 1200 lbs
4. Depth — 3½' to 4'
5. Seating Capacity — 8 passangers
6. Transome — Space for 1 85HP to 140HP outboard engine
7. Colour — Top blue and bottom white with POLIS wording at bow
8. Foam filled buoyancy chambers (unsinkable)

Accessories

1. Sunshade canopy
2. Four back to back padded seats and one rear bench in the spacious cockpit area to carry 8 with ease.
3. Windscreen, chromed brass fitting, morse steering system and a bow hatch for storing anchor and ropes.
4. Built in forward locker for storage.
5. Stainless steel bow rails.
6. Stainless steel built-in 90 litre fuel tank.
7. Navigation lights and electric horn.
8. Tachometer, speedometer.
9. Rope and anchor.
10. Trailer — 3 Nos.

2. Approximate date of delivery must be stated and price should include duty and delivery to Marine Police Base, Muara.

3. Tenders must be placed in sealed envelope and clearly marked:—

"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF FIBREGLASS BOAT HULL"

4. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.





Awang Haji Yaacob bin Haji Mohd Yusof, Pengawal Pasokan Bomba Brunei dan Lt Mohd Jahari bin Ahad, Pegawai Pemerentah Perkhidmatan Bomba Brunei (gambar atas) ada-lah merupakan antara 30 orang perwakilan dari 16 buah negara yang berjaya menerima Diploma Antarabangsa di-dalam Pengurusan Keselamatan di-dalam satu upachara yang di-adakan di-Middale Temple Hall di-London pada 8hb Oktober yang lalu.

Satu siaran akhbar yang di-keluarkan oleh British Safety Council, penganjor kursus tersebut menjelaskan yang sa-belum menerima diploma tersebut, sa-tiap perwakilan di-kehendaki menjalani satu siri kursus intensif yang mengandongi lima bahagian sa-lama 10 minggu.

Pengetahuan mereka di-uji melalui 400 soalan pepereksaan dan diploma dalam Pengurusan Keselamatan hanya di-anugerahkan kapada mereka yang lulus dalam kesemua lima bahagian.

Pemegang Diploma Antarabangsa dalam Pengurusan Keselamatan ini layak memasoki perbadanan Antarabangsa dalam Pengurusan ini layak memasoki perbadanan Antarabangsa dalam Pengurusan Keselamatan (ITSM). Lembaga ini di-tubohkan untok memajukan pendidekan kapada orang ramai dalam menchegah kebakaran dan kemalangan dalam perusahaan di-seluroh dunia.

Gambar2 ehsan2 British Safety Council menunjokkan Awang Haji Yaacob menerima diploma beliau daripada Awg James Tye Pengarah Umom British Safety Council dan Lt Mohd Jahari menerima-nya daripada Dr Douglas Latto, Pengerusi "Board of Governors" pertubohan tersebut.

# SENI LUKIS PENTING BAGI PEMBANGUNAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Para pelukis tanah ayer telah di-nasehatkan supaya tidak menyalahgunakan penghasilan mereka untok merosakkan atau merobohkan" sa-suatu yang telah di-bangunkan."



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji Mohammad Jamil Al-Sufri di-dalam uchapan beliau merasmikan satu pameran seni lukis di-Muzium Brunei pagi Ahad lepas mensifatkan seni lukis sa-bagai sa-suatu yang mempunyai pengaroh yang tinggi dan luas dan berperanan penting dalam pembangunan masharakat.

Dari itu, tambah Yang Berhormat lagi, ibarat orang mempunyai senjata tajam maka ketajaman senjata itu jangan-lah di-gunakan sebarang-barang atau di-gunakan untok merosakkan atau merobohkan sesuatu yang telah di-bangunkan, sa-olah2 orang muda julong berkeris.

Tegas-nya, jelas beliau, senjata yang tajam itu patut di-pelihara dan di-gunakan untok memberi sa-suatu pertolongan kapada orang yang berkehendakkan-nya. "Maksud-nya sa-suatu karya yang di-hasilkan hendak-lah di-sesuaikan dengan ideoloji negara dan kepentingan bangsa dan tanah ayer kita yang memerlukan ra'ayat dan pendudok-nya yang taat setia yang tidak berbelah bagi kapada Kebawah DYMM ini dan hasrat Baginda hendak menjadikan Islam sa-bagai chara hidup raayat dan pendudok Brunei Darussalam ini yang sesuai dengan taraf-nya sa-bagai negara yang merdeka dan berdaulat."

Mengenai dengan chabang seni ini, Yang Berhormat mensifatkan ia-nya sa-bagai suatu chabang ilmu pengetahuan yang boleh di-gunakan sa-bagai alat untok menyampaikan sa-suatu maksud yang tersimpan dalam hati kita yang akan di-sampaikan kapada orang lain melalui lukisan yang pada permulaan-nya di-konsantritkan di-dalam pemikiran, kemudian di-jadikan garis2 yang di-ukir atau di-warna-warni yang di-chalitkan di-atas kertas atau kain atau sa-bagai-nya untok di-jadikan sa-bagai suatu gambaran yang boleh menimbulkan sa-suatu perasaan kapada yang memandang-nya, sa-bagaimana perasaan yang ada dalam hati pelukis itu sa-umpama sa-orang menuliskan sa-suatu ayat untok di-jadikan sa-suatu karangan juga.

Sa-banyak lebeh daripada 156 lukisan telah di-pamerkan dan ia-nya di-buka kapada orang ramai sa-hingga 7hb Nobember depan.

Pameran yang berthemakan "Brunei Tanah Ayerku" itu ada-lah anjoran Persatuan Pelukis-Pelukis Brunei.

## Pemberhentian pekerja2 Labu Estate: P.D. BERI PENJELASAN

TEMBURONG. — Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh menarek perhatian mengenai dengan keraguan dan kebimbangan sa-bilangan kechil pendudok2 Kampong Labu Estate yang terlibat dengan kesengsaraan dan pemberhentian mereka dari perkhidmatan kerajaan baru2 ini.

Menjelaskan langkah kerajaan menyarakan mereka itu, kata Pegawai Daerah Temburong ada-lah sa-bagai suatu perkara yang lazim di-lakukan bagi sa-tiap pegawai2 dan kakitangan kerajaan apabila sudah chukop umor.

"Ada-lah menjadi kelaziman apabila sa-seorang kakitangan kerajaan yang di-persarakan maka ia-nya akan di-minta mengosongkan rumah kerajaan yang di-diami-nya," jelas-nya lagi.

Beruchap di-majlis pembukaan rasmi Masjid Kampong Labu pada malam Selesa lepas, Awang Haji Zakaria bagaimana pun menerangkan bahawa pekerja2 Labu Estate ada-lah sedikit berlainan dan mempunyai masaalah-nya yang tersendiri. Oleh kerana itu mereka yang terlibat, kata beliau, tidak-lah akan di-minta mengosongkan rumah2 kerajaan yang mereka diami itu dengan serta merta.

"Mereka akan di-beri tempoh yang berpatutan untok menchari tempat2 berpindah samada sa-chara sendirian atau pun memohon dalam ranchangan Perpindahan Kerajaan yang pada masa ini sedang dalam proses perlaksanaan-nya," demikian beliau memberi jaminan.

Mengenai hasrat mereka untok terus tinggal di-Mukim Labu, menurut Pegawai Daerah Temburong lagi, mungkin ia-nya akan dapat di-pertimbangkan kerana memang dalam Ranchangan Kerajaan untok menjadikan Kampong Senukoh (sa-bahagian daripada Labu Estate) akan di-jadikan Kampong Perpindahan bagi pendudok2 kampong tersebut dan juga pekerja2 yang di-persarakan dari Labu Estate.

Ranchangan ka-arah ini sudah pun dalam kajian awal, dan kapada mereka yang terlibat serta pendudok2 Mukim Labu khas-nya supaya tidak akan berasa bimbang kerana bukan-lah niat kerajaan untok menyusahkan raayat dan pendudok-nya.

Pembangunan yang terdapat di-mukim ini saperti masjid, sekolah, Pos Polis dan beberapa projek lain, kata-nya, ada-lah bokti betapa kerajaan akan terus mengekalkan kampong ini sa-bagai sa-buah kampong dengan pendudok-nya yang ramai bukan saperti mana yang menjadi kebimbangan sa-tengah2 pendudok bahawa Kampong Labu Estate akan menjadi 'padang jarak padang tekukor.'

Sedikit masa lagi, menurut beliau, mukim ini akan mempunyai Kelinik Kesihatan pula.

## Suntekan chegah kolera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Berikutan dengan beberapa kes penyakit kolera yang terdapat di-negeri ini, Bahagian Kesihatan di-sini akan menjalankan kempen suntekan menchegah penyakit kolera di-beberapa buah sekolah rendah dan menengah di-kawasan Kampong Ayer.

Pagi ini, kempen tersebut di-adakan di-Sekolah Melayu Pusar Ulak, sementara esok, 28hb. Oktober dan 30hb. Oktober, kempen sa-rupa akan di-jalankan di-Sekolah Omar Ali Saifuddin.

Suntekan menchegah kolera juga telah di-lakukan baru2 ini di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah dan Sekolah Melayu Jamalul Alam.

Sementara itu Kementerian Kesihatan di-Kuala Lumpur telah mengistiharkan Daerah Simunjan di-Sarawak sa-bagai kawasan yang di-jangkiti oleh Kolera pada 13hb Oktober lepas.



Awang Abd Wahab

## Berkursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penguasa Penjara, Awang Abd. Wahab bin Haji Mohd. Said, kini sedang berada di-United Kingdom bagi mengikuti Kursus Lanjutan Perkembangan Pengurusan Penjara.

Beliau akan mengikuti kursus tersebut sa-lama lapan minggu di-Crown Agents Training Services, London. Awang Abd. Wahab telah berlepas meninggalkan negeri ini pada 21hb. Oktober lalu. — AP.

## Beberapa kawasan di-Limbang di-jangkiti kolera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan Brunei memaalomkan bahawa beberapa buah kampong di-Daerah Limbang dan daerah2 yang berdekatan di-Sarawak telah di-istiharkan di-jangkiti wabak kolera.

Pelawat2 yang akan pergi ka-Daerah Limbang ada-lah di-nasehatkan supaya bersuntek bagi menchegah terkena wabak kolera.

Pendudok2 Brunei ada-lah di-nasehatkan memakan makanan yang baru di-masak dan meminum ayer yang telah di-masak. Kerang2an mesti-lah di-masak sechukup-nya sementara kebersehan diri mesti-lah di-jaga dengan rapi sa-tiap hari.

Kawasan2 di-negeri Sarawak yang di-jangkiti kolera ia-lah di-bahagian ketiga ia-itu di-Daerah Sibu dan Mukah, di-bahagian ka-enam ia-itu daerah Sarikei dan Binatang. Di-bahagian kelima ia-itu di-daerah Limbang, kawasan2 yang di-jangkiti kolera ia-lah Perkhemahan Polis, Kpg. K. Berawan, Kpg. Seberang Kedai, Kpg. Penghulu Jarum, Kpg. Buang Alang, Kpg. Limpong, Rh. Bala, Kpg. Entakong; Rh. Ekom, Kpg. Sepangas; Kpg. Tababang dan Rh. Igai Ukong.

Sementara di-daerah Lawas (Kuala Lawas) ia-lah Kpg. Laut Masjid, Kpg. Pemukat, Kpg. Dato dan Awat-Awat.

Jabatan Perubatan Dan Kesihatan akan mengadakan lawatan ka-kampong2 yang berkenaan saperti yang akan di-sebutkan dan pehak yang berkenaan meminta kapada orang2 kampong tersebut supaya berkumpol di-rumah ketua kampong masing2.

Pada 27hb. Oktober, Kg. Setia 'B', Kg. Burong Pingai Ayer, Kg. Pemancha Lama, Kg. Sultan Lama dan Kg. Sungai Kedayan 'A'. Pada 28hb Oktober Kg. Sungai Kedayan 'B', Kg. Buang Tengkurok, Kg. Lupak Luas, Kg. Tarap Bau dan Kg. Pg. Tajuddin Hitam, dan pada 29hb. Oktober Kg. Kasat dan Kg. Sungai Siamas.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.